

Jilid II
Bil. 54



Hari Jumaat
16hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7681]

USUL-USUL:

Ucapan Tahniah kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong Kelapan atas Perlantikannya—Ikrar Taat Setia [Ruangan 7716]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 7734]

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 [Ruangan 7736]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24 [Ruangan 7735]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEEBIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALIBIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJIBIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 16hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SEMPADAN NEGARA DI
SELAT TEPAU,
JOHOR**

1. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai di dalam perkara-perkara mengukur sempadan negara di Selat Tebrau, Johor, yang telah dibuat sejak tahun 1981 hingga sekarang. Apakah dasar yang digunakan untuk menentukan garis sempadan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, ukur hidrografi bersama di Selat Johor telah dimulakan pada 10hb Mac, 1980 dan disiapkan pada 3hb Oktober, 1981. Seperti yang telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura pada 18hb Disember, 1981, prinsip "thalweg", dengan izin, ataupun terusan air dalam, berasaskan kepada hasil ukur hidrografi bersama akan menentukan sempadan di antara Malaysia dan Singapura di Selat Johor.

Hasil ukuran hidrografi tersebut di atas menunjukkan garis "thalweg" terlalu banyak berbelok dan pada banyak tempat sebagai merapati pantai-pantai Malaysia dan Singapura. Oleh itu boleh dianggap garis "thalweg" di tempat-tempat tersebut tidak printis dan praktis "garis tengah" mengikut Artikel 15, Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu 1982, disyor digunakan, tertakluk kepada persetujuan pihak Singapura, bagi memberi penyelesaian yang seadil-adilnya.

**INDUSTRI KECIL LUAR
BANDAR**

2. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bolehkah Menteri menjelaskan tentang langkah-langkah memajukan pertumbuhan industri-industri kecil di luar bandar Sabah.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertanggungjawab terhadap memajukan industri kampung iaitu perusahaan-perusahaan yang ditempatkan di kampung-kampung yang menggunakan bahan-bahan semula jadi tempatan seperti buluh, kayu, rotan, tanah liat, mengkuang dan sebagainya, menggunakan kemahiran tradisional dan teknologi yang mudah dan diusahakan oleh penduduk kampung itu sendiri.

Barang-barang yang dihasilkan ialah barang-barang dekorasi iaitu kryanika dan barang-barang utiliti ataupun industri kampung yang sesuai untuk dipasarkan. Definasi ini harus dibezakan dengan industri kecil di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang merangkumi bidang yang lebih luas.

Buat masa sekarang, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menumpukan kepada bidang-bidang pengeluaran dan pemasaran. Dari segi pemasaran, kita telah mewujudkan gerai-gerai jualan untuk setiap negeri termasuk gerai negeri Sabah di perkampungan Kryanika, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur supaya tiap-tiap negeri mendapat peluang untuk memasarkan barang-barang yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk tempatan.

Dari segi pengeluaran, Kementerian ini telah mewujudkan beberapa buah bengkel pengeluaran di bawah projek koperasi industri kampung dan projek bantuan. Bagaimanapun kesemua projek ini ditumpukan di negeri-negeri Semenanjung sahaja atas tujuan untuk dilihatkan kesannya dahulu dan kerana peruntukan untuknya adalah terhad. Apabila segala masalah yang timbul dapat kesan dan diatasi dan kelemahan-kelemahan yang ada dapat diperbaiki serta peruntukan bertambah baik, barulah projek ini akan diperluaskan di Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Penyelaras Industri Kampung dan Kryanika Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri dan agensi-agensinya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Sabah ditugaskan untuk mengkaji dan mengenalpasti mana-mana projek di negeri itu yang boleh dimajukan di bawah program industri kampung, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jawatankuasa ini

juga adalah bertanggungjawab di dalam penyeliaan, pengeluaran dan pengutipan barang-barang yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk tempatan.

Setakat ini sebanyak lima buah kampung di Negeri Sabah yang melibatkan seramai 25 orang pengusaha telah dijadikan kampung angkat. Kampung-kampung angkat tersebut adalah seperti berikut:

1. Di Merabau, Kota Belud.
2. Rampaian Laut, Kota Belud.
3. Kota Peladuk, Kota Belud.
4. Kelanahan, Papar.
5. Siasai, Kota Belud.

Melalui skim ini Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Sabah memberi kemudahan-kemudahan seperti bekalan bahan-mentah secara kredit, pinjaman peralatan kecil di samping menyalurkan maklumat-maklumat pasaran rekaan baru.

Dalam pada itu Perbandanan Kemajuan Kraftangan Malaysia iaitu agensi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertanggungjawab mengenai latihan dan kemajuan teknikal ada mempunyai pusat latihannya di Sabah dalam bidang anyaman buluh, rotan dan ukiran kayu yang dapat melatih penduduk-penduduk tempatan untuk menambah kemahiran mereka dalam pembuatan dan pengeluaran barang-barang tersebut.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berbagai kaedah atau approach yang telah dijalankan bagi memajukan berkenaan dengan industri kampung dan juga hasil-hasil pengeluaran yang dibuat oleh masyarakat di luar bandar. Jadi, saya ingin tahu setakat ini, sejauh manakah

semangat yang diberi oleh masyarakat berhubung dengan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan?

Yang kedua, bagaimanakah tentang kawalan mutu barang-barang itu supaya ianya dapat bersaing di dalam pasaran-pasaran yang terbuka?

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal ini semangat yang dibuat oleh penduduk-penduduk di luar bandar adalah sangat menggalakkan. Kebanyakan usaha-usaha yang kita galakan untuk mengeluarkan barang-barang dari tempatan tidak dapat dikeluarkan oleh penduduk-penduduk kampung oleh sebab permintaannya terlalu banyak daripada luar negeri dan begitu juga pasaran tempatan.

Soalan yang kedua, pada masa ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menghadapi satu masalah untuk meninggikan mutu keluaran penduduk-penduduk ataupun keluaran orang-orang kampung oleh sebab masih lagi menggunakan teknik-teknik lama.

Kementerian sekarang sedang mengusahakan untuk berbincang dengan para pengeluar mesin untuk mengeluarkan mesin-mesin yang mudah untuk digunakan oleh orang-orang kampung supaya mutu keluaran orang-orang kampung dapat dipertingkatkan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Timbalan Menteri ada menyatakan iaitu ada 5 buah kampung angkat di Sabah. Apakah sebabnya 4 daripada 5 buah kampung ini diletak di satu daerah Kota Belud dan tidak ditaburkan di merata-rata tempat di Sabah.

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan penduduk-penduduk di kampung Kota Belud rajin dan bekerjasama yang rapat dengan cawangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Cawangan Sabah di Kota Kinabalu.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menunjukkan bahawa Kementerian telah begitu bersungguh-sungguh untuk memajukan usaha-usaha kraftangan ini.

Saya ingin bertanya, apa yang kita dapati di supermarkets ataupun pusat-pusat membeli-belah ataupun hotel-hotel terkemuka di negara kita, di ibu kota iaitu tempat di mana banyak pelancong-pelancong luar negeri datang amat kurang didapati hasil-hasil kraftangan ataupun hasil-hasil industri kampung itu. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam usaha untuk memperkenalkan hasil kraftangan ini kepada pelancong-pelancong luar negeri di samping dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar yang mengusahakan hasil-hasil kraftangan ini.

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengatasi masalah awal iaitu untuk meninggikan mutu keluaran penduduk-penduduk kampung. Setelah kita dapat perbaiki mutu tersebut barulah kita dapat mempamerkan atau mendapat ruang-ruang jualan sama ada di kedai-kedai yang besar-besar ataupun di hotel-hotel. Pada masa ini sekiranya kita mendapat ruang di hotel-hotel keluaran kita belum begitu dapat sambutan oleh kerana mutu belum dapat kita tingkatkan. Apabila mutu tersebut dapat kita perbaiki, mungkin

keluaran pun bertambah banyak, kita bolehlah mendapat ruang-ruang di hotel-hotel ataupun di kedai-kedai besar supaya dapat kita jualkan ataupun pertingkatkan pemasaran keluaran penduduk-penduduk tempatan.

FAR EASTERN FREIGHT CONFERENCE—KADAR TAMBANG

3. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) benarkah Syarikat Perkapalan Antarabangsa telah menaikkan kadar perkapalan sebanyak 12% dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kesan buruk terhadap pertumbuhan perdagangan negara-negara membangun. Jika benar, apakah langkah yang berkesan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mempengaruhi negara-negara membangun di rantau ini bagi menentang sikap yang kurang sihat itu terus berlaku di masa hadapan dan memastikan kenaikan kadar perkapalan itu tidak menjejaskan penjualan barangan eksportnya di pasaran dunia; dan
- (b) apakah usaha-usaha dan langkah yang positif telah diambil oleh negara-negara Asian bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada kapal-kapal perdagangan asing untuk mengangkut sebahagian besar barangan eksport mereka di masa hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, memang ada sebuah perkumpulan perkapalan iaitu, dengan izin, Far Eastern Freight

Conference (FEFC) yang telah menaikkan kadar tambang umumnya sebanyak 12% berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1984. Kenaikkan ini, walau bagaimanapun adalah rendah sedikit daripada kadar asal yang dicadangkan oleh FEFC sebanyak 14.62% untuk berkuatkuasa pada 1hb November, 1983. Pengurangan di dalam kadar kenaikan ini adalah hasil dari tekanan dan rundingan yang telah dibuat oleh pengguna-pengguna kapal Malaysia dan negara-negara ASEAN.

Kerajaan memandang berat terhadap kenaikan kadar tambang yang tidak ketentuan dan akan terus menentang sikap syarikat-syarikat perkapalan yang menaikkan kadar tambang. Di dalam hal ini Kerajaan melalui Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC) serta Persekutuan Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN (FASC) akan terus mengadakan dialog dan rundingan dengan syarikat-syarikat perkapalan untuk memastikan kadar tambang tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Selain dari itu kerjasama dan perbincangan dengan pengguna-pengguna kapal negara-negara Eropah, Jepun, Hong Kong dan Korea akan juga diadakan supaya masalah ini dapat dihadapi secara bersama. Di samping itu adalah digalakkan pengguna-pengguna kapal di rantau ini untuk menggunakan, dengan izin, "non-conference liner" jika pihak conference liner tidak mahu bertolak ansur di dalam tindakannya melaksanakan kenaikan kadar tambang umum kapal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara usaha-usaha dan langkah positif yang telah diambil oleh negara-negara Asian bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada kapal-kapal dagangan asing termasuklah:

- (i) Mendorong dan menggalakkan pengeksporth-pengeksporth menggunakan kapal-kapal

- kebangsaan negara masing-masing;
- (ii) Menggalakkan pedagang-pedagang mengeksport berasaskan c.i.f. (cost, insurance and freight) dan mengimport secara f.o.b. (free on board) supaya pedagang tempatan mempunyai hak memilih kapal-kapal untuk mengangkut barangan mereka;
 - (iii) Mengadakan perjanjian perkapalan duahala yang mengandungi peruntukan mengenai pembahagian pengangkutan barang-barang oleh kapal-kapal negara yang berkenaan; dan
 - (iv) Dalam konteks Malaysia, menubuhkan Pusat Tempahan Kargo untuk mengatur dan mengadakan perkhidmatan perkapalan yang sesuai dengan memberi keutamaan kepada kapal-kapal tempatan. Pusat ini telah pun ditubuhkan di Filipina, Singapura dan Malaysia.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu bilakah syarikat perkapalan Malaysia akan dapat cukup kapal bagi mengeksport barang-barang keluaran Malaysia dan bolehkah semua barang-barang keluaran mesti dieksport melalui syarikat perkapalan kita.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai dua buah syarikat perkapalan iaitu satunya, dengan izin, Malaysian International Shipping Corporation (MISC) dan keduanya, Perbadanan National Shipping Line (PNSL). Setakat ini kedua-dua buah syarikat ini memiliki lebih kurang 52 buah biji kapal dan dapat mengangkut lebih daripada 1.6 juta dead-weight ton. Kedua-dua syarikat perkapalan ini merupakan syarikat yang baru

kalau dibandingkan dengan kebanyakan syarikat-syarikat perkapalan yang telah ditubuhkan di negara-negara yang telah membangun ataupun maju. Dengan sebab itu saya yakin bahawa di peringkat awal mungkin mereka tidak mampu untuk menyediakan seberapa banyak kemudahan-kemudahan yang diperlukan berdasarkan jumlah barangan eksport yang kita keluarkan tiap-tiap tahun tetapi pergantungan semata-mata kepada National Shipping Line di peringkat awal ini adalah tidak wajar. Sebab itu kita terpaksa juga berusaha untuk mencari kemudahan-kemudahan perkapalan yang lain dan di samping itu juga usaha telah pun kita lakukan untuk menubuhkan, dengan izin, Freight Booking Center yang terdiri daripada syarikat-syarikat perkapalan Malaysia yang lain daripada kedua-dua syarikat perkapalan kebangsaan tadi supaya kemudahan-kemudahan ruang dan pengangkutan kapal itu dapat disediakan oleh syarikat yang telah ditubuhkan itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Asian Freight Booking Center ini, bolehkah beliau memberi sedikit penjelasan atas prestasi Freight Booking Centre yang dinyatakan tadi dan adakah sambutan oleh negara-negara di rantau ini terutama sekali negara ASEAN tentang Freight Booking Centre ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Freight Booking Centre baru sahaja ditubuhkan pada awal tahun ini iaitu di atas kesedaran kita perlunya digabungkan tenaga syarikat-syarikat perkapalan yang kecil yang bukan berperingkat kebangsaan supaya dapat digunakan ruang kapal itu dengan maksima dan juga memberi

kemudahan kepada pengguna-pengguna kapal, pengeksporth-pengeksporth kapal hanya perlu menghubungi satu pusat seperti Freight Booking Centre ini. Oleh sebab itu setakat ini sambutan yang telah pun diberikan oleh pedagang-pedagang, pengeksporth-pengeksporth Malaysia kepada Freight Booking Centre adalah amat menggalakkan dan juga sambutan yang telah pun kita terima daripada rakan-rakan pedagang daripada rantau Asian dan adalah amat sukar untuk peringkat awal kerana baru sahaja ditubuhkan untuk ditaksirkan sejauh mana ia mencapai matlamatnya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu supaya kita tidak terlalu bergantung kepada perkhidmatan perkapalan antarabangsa yang mengakibatkan masalah seperti kenaikan kadar sewa dan sebagainya ialah untuk kita mengembangkan industri perkapalan kita sendiri.

Saya hendak bertanya apakah perkara-perkara pokok yang besar sahaja yang menghalang kepada perkembangan industri perkapalan kita dan apakah sikap pengeksporth-pengeksporth dan pedagang-pedagang kita sendiri sebenarnya bertanggungjawab untuk menjadi salah satu faktor penghalang terhadap perkembangan ini sebagaimana yang ditunjukkan terutamanya baru-baru ini terdapat misalnya LPN yang lebih suka menggunakan kapal daripada Thailand sendiri daripada perkhidmatan perkapalan dalam negara dan yang keduanya, sebagaimana ditunjukkan oleh setengah-setengah syarikat perkapalan yang lebih suka menggunakan pelaut-pelaut daripada negara asing daripada pelaut-pelaut tempatan sehinggakan mereka itu didapati ada yang menganggur.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh kita kaji secara terperinci sebab-sebab mengapa agaknya perkembangan sektor perkapalan dalam negara kita belum begitu memuaskan. Pertamanya, salah satu daripada sebab ialah kerana sikap pedagang-pedagang kita, pengimport-pengimport kita yang mengambil jalan mudah iaitu tidak mengeksporth berasaskan CIF tetapi menyerahkan bulat-bulat kepada pengimport untuk menguruskan urusan-urusan perdagangan mereka mencari kapalnya sendiri, menguruskan insuran. Dan juga kalau pengimport kita pula tidak mengimport secara FOB, ini pun kerana sikap mudah yang diambil oleh pengimport-pengimport kita sendiri. Sikap ini saya fikir perlu diubah kerana Kerajaan sedar bahawa sekiranya ia berterusan kita akan menghadapi masalah yang lebih besar daripada tidak ada kemudahan perkapalan tetapi dari segiimbangan pembayaran kerana kekurangan dari segi dagangan tak ketara (invisible). Dengan sebab itu juga kita telah pun mengambil langkah untuk menawarkan beberapa galakan kepada perkembangan industri perkapalan dalam negara kita dengan umpamanya Belanjawan yang baharu-baharu ini dan juga tahun-tahun yang lepas telah pun mengecualikan cukai muka sebanyak 5% ke atas kapal-kapal yang melebihi 26 GRT ataupun dibenarkan elauan susutan dipercepatkan kepada kapal-kapal hingga 100% untuk tahun pertama dan juga mengecualikan kepada cukai pendapatan yang dikenakan ke atas individu syarikat-syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan perkapalan dan juga mengecualikan juga cukai pendapatan ke atas pekerja-pekerja yang bekerja di atas kapal Malaysia.

Soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua tadi berhubung dengan terdapatnya setengah-setengah pedagang kita lebih cenderung

syarikat-syarikat perkapalan kita menggunakan pekerja-pekerja asing adalah satu perkara yang tidak seharusnya berlaku kerana insentif telah pun diberikan, siapa sahaja pendapatan oleh pekapal-pekapal ataupun pekerja-pekerja boleh dikecualikan daripada cukai dan seharusnya ini digunakan dengan sepenuhnya oleh pihak pekerja-pekerja perkapalan.

Berkenaan dengan sikap pedagang kita tidak menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada apa yang disebutkan seperti LPN tadi, saya fikir perkara ini telah pun diambil perhatian oleh pihak LPN sendiri dan saya percaya tindakan telah pun diambil untuk mengatasi masalah yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir).

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA SATU PARTI

5. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai negara satu parti sahaja memandang kepada sikap tidak bertoleransi pihak bertentangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara satu parti. Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan sekarang telah berjalan dan diterima dengan baik, oleh itu tidak ada apa sebab sistem ini perlu ditukar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu.

Sistem yang kita gunakan sekarang memberi peluang kepada rakyat menyuatkan hasrat mereka melalui proses pilihanraya dan institusi Parlimen. Parti-parti Politik sama ada dari Komponen Barisan Nasional, DAP, PAS dan lain-lain berpeluang untuk menduduki Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri melalui proses pilihanraya yang diadakan dari semasa ke semasa.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sikap tidak bertoleransi itu adalah persapsi Ahli Yang Berhormat itu sahaja. Selaras dengan sikap Kerajaan yang mengamalkan sikap terbuka, Kerajaan tidak menyekat mana-mana pihak untuk mengemukakan teguran, pendapat dan pandangan mereka terhadap mana-mana tindakan Kerajaan asalkan pandangan-pandangan itu merupakan pandangan yang membina dan tidak memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Sekiranya pendapat yang bertentangan dengan Kerajaan itu boleh memudaratkan kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk bertindak terhadap mereka yang sedemikian mengikut undang-undang negara.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah beliau sedar berdasarkan soalan yang dikemukakan ini seolah-olah mereka ini hendak membubarkan DAP ataupun DAP ini hendak masuk Barisan Nasional. Jika sekiranya benar, apakah Yang Berhormat Menteri akan mengubah jawapannya supaya sekiranya apa yang saya katakan seolah-olah itu berlaku.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

bertanya wakil dari Jelutong soalan itu.

JABATAN KERAJAAN— PENGUNAAN BAHAN- BAHAN TEMPATAN

6. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kewangan menerangkan adakah Kerajaan telah berpuas hati bahawa semua Jabatan-jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan, telah menggunakan sepenuhnya, peralatan, kelengkapan, perabot dan lain-lain seumpamanya dengan bahan-bahan buatan dalam negeri (yang boleh didapati). Jika belum puas hati adakah akan mengarahkannya, atau menyemaknya semula supaya dapat dipatuhi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah pun mengadakan dasar supaya bahan-bahan keluaran tempatan digunakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, ini termasuklah kelengkapan-kelengkapan dan perabot-perabot. Pembelian barang-barang yang diimport hanya dibenarkan sekiranya barang-barang tersebut tidak diperkilangkan di dalam negara kita sendiri.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perabot-perabot buatan Itali didapati dalam negara kita harganya sangat tinggi puluhan-puluhan ribu, maka buatan-buatan seperti Itali itu didapati banyak tukang-kurang dalam negara kita yang pandai buat seperti itu. Maka adakah Kerajaan sedar bahawa ada tukang-tukang kita di Malaysia ini yang boleh buat buatan seperti buatan Itali bahkan lebih-lebih lagi. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghidupkan kepandaian-kepandaian mereka ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain sedikit, tidak ada kaitan dengan kegunaan perabot di Pejabat-pejabat Kerajaan. Walau bagaimanapun, dari segi pengimportan untuk kegunaan sendiri, kita tidak menggalakkan maka itu sekarang ini duti ke atas perabot-perabot dari negara-negara asing ini dikenakan dengan tinggi tetapi kalau masih lagi seseorang itu mempunyai sikap hendak bermegah-megah dan ada duit dan dia hendak beli kita tidak ada hal, boleh beli.

IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA—LANGKAH MEMBAIKI

7. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan serta rancangan-rancangan pihak Kementerian untuk membaiki kedudukan Baki Pembayaran Kerajaan (Balance of Payment) yang dihadapi oleh Kerajaan kita, serta menyatakan tempoh masa yang diperlukan bagi memperbaiki kedudukan ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya maklumat yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun diberi sewaktu saya menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Lumut dan Ulu Nerus. Walau bagaimanapun, saya ingin menambah sedikit lagi mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah membaiki Imbangan Pembayaran Negara adalah berbentuk jangka pendek dan jangka panjang. Pada masa kini Kerajaan telah pun memberi banyak insentif-insentif cukai kepada industri-industri hotel, insuran dan perkapalan. Kerajaan juga telah memansuhkan cukai-cukai terhadap beberapa item yang biasanya dibeli oleh pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada keterangan mengenai Freight Booking Centre, dengan izin, dan perkapalan tetapi oleh sebab banyak telah diperbincangkan waktu menjawab soalan No. 3 tadi, maka saya tidak berhajat hendak beri keterangan lanjut mengenai perkara ini.

Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, ada lagi lain-lain rancangan Kerajaan yang dibuat untuk mengatasi masalah imbalan pembayaran ini, ini termasuklah menyediakan kelas-kelas di peringkat awal bagi penuntut-penuntut negara yang dibiayai oleh Kerajaan sebelum mereka dihantar keluar negeri. Mereka diberi kursus di dalam negara ini bagi mengurangkan perbelanjaan di peringkat universiti. Ini juga adalah satu lagi cara untuk mengurangkan imbalan pembayaran.

Di dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan pada awal tahun ini untuk mengkaji, merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan yang sesuai bagi memperbaiki keadaan imbalan pembayaran ini.

Langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini pada umumnya adalah merangkumi usaha-usaha untuk mengurangkan aliran tukaran wang asing di dalam 4 sektor, yakni sektor ekonomi iaitu termasuk perkapalan dan insurans, sektor pelancongan, sektor pelaburan dan sektor perkhidmatan termasuk perundingan dan pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masalah imbalan pembayaran tidaklah dapat dihadapi dalam masa yang singkat oleh kerana perkara ini merupakan satu masalah struktur yang

memerlukan masa yang panjang sebelum satu-satu tindakan itu mendaratkan kesannya. Umpamanya, kesan-kesan perkembangan industri insurans dan perkapalan negara akan mengambil masa yang panjang sebelum kita dapat melihat hasil dan faedahnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan akan berusaha dengan sedaya upayanya untuk memperbaiki imbalan pembayaran ini dan seterusnya mengurangkan defisit di dalam akaun semasa dengan secepat mungkin yang boleh.

INDUSTRI YANG BERASASKAN GETAH

8. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kebanyakan daripada lebih kurang 140 unit industri yang membuat keluaran benda-benda yang dihasilkan daripada getah masih kecil lagi dan industri-industri yang berasaskan getah kurang dibangunkan apabila dibandingkan dengan yang ada di Korea dan Jepun, adakah Malaysia akan mendirikan banyak lagi kilang-kilang yang mengeluarkan hasil-hasil daripada getah.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi pembangunan perindustrian negara untuk dekad 80-an ini adalah bagi menggalakkan perkembangan industri yang berasaskan bahan mentah tempatan, termasuk industri berasaskan getah asli. Kerajaan telah pun menetapkan matlamat untuk meningkatkan penggunaan getah asli dari 70,000 tan pada masa ini kepada 300,000 tan dalam tahun 2000.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Kementerian saya telah mengenalpasti sektor pembuatan barang-barang getah yang mempunyai potensi untuk berkembang dan menggunakan lebih banyak getah asli dalam proses pengeluarannya, termasuk pengeluaran tayar, kasut dan juga barang-barang dari susu getah seperti sarung tangan, benang getah, alat-alat perubatan dan sebagainya.

Kerajaan menyediakan berbagai galakan cukai serta elaun eksport untuk menarik minat para pelabur khususnya untuk mendirikan kilang yang berasaskan getah asli yang berorientasikan eksport. Galakan yang terakhir sekali ialah sebagaimana yang disyorkan dalam Belanjawan 1985 di mana industri ini diberikan diskaun tenaga elektrik serta pembelian getah dengan harga diskaun. Ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kilang tempatan untuk bersaing di pasaran eksport.

Kementerian saya juga bersedia membincangkan dengan sektor swasta langkah-langkah lain yang difikirkan sesuai untuk membangunkan industri ini. Saya yakin bahawa sektor swasta akan memberi sambutan yang positif terhadap usaha-usaha Kerajaan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa barang-barang buatan industri dalam negeri ini seperti tayar didapati mutunya tidak dapat dapat menyamai dengan mutu yang diimport daripada negara-negara lain. Jadi dengan sebab itulah rakyat kita selalu membeli barang-barang luar negeri kerana mereka anggap "Biar alah membeli, menang memakai". Jadi apakah tindakan supaya mutu ini dapat dikawal dan diberi setanding dengan mutu yang diimport?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada yang benar dan ada yang tidak berapa benar, sebab kalau dikaji pada keseluruhannya, industri yang berasaskan getah sudah lama tertubuh dalam negara kita dan kebanyakan daripada kilang-kilang pengeluaran seperti getah tadi mempunyai mutu yang boleh dikatakan setanding. Tetapi kerana rakyat kita masih lagi mempunyai sikap untuk menilai bahawa yang import itu adalah baik, maka walaupun buatan dalam negara itu baik, mereka masih lagi memikirkan lebih baik yang diimport walaupun mungkin terpaksa membayar lebih daripada kadar harga yang dijual oleh pihak pengusaha-pengusaha dalam negeri.

Sebab itu untuk memastikan supaya industri yang berasaskan getah ini berkembang maka pertamanya sikap dari segi kita sendiri perlu kita ubah dan ini mungkin memakan masa. Di samping itu kita juga memastikan bahawa mereka yang melibatkan diri dalam bidang pembuatan bahan-bahan yang berasaskan getah dan lain-lain, berasaskan bahan-bahan sumber dalam negara kita, meningkatkan usaha untuk memajukan bidang Research and Development ataupun bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan juga menggunakan teknologi-teknologi yang termoden untuk dapat bersaing dengan pengeluaran barang-barang yang diimport daripada luar negeri.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam penerangan beliau tadi, beliau ada mengatakan bahawa di dalam tahun 2000 adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran getah

atau mengeksport lebih kurang 300,000 tan getah. Saya ingin tahu apakah rancangan atau kaedah dan cara yang positif yang akan diambil oleh Kerajaan agar hasrat ini tercapai, dan apakah Kerajaan juga memikirkan supaya harga getah, dengan pengeksportan yang begitu banyak, harga itu tetap dapat dikawal?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan di dalam jawapan saya ialah penggunaan sebanyak 300,000 tan getah untuk diproses bagi dijadikan bahan-bahan yang berasaskan getah, dan tidak dalam bentuk SMR ataupun susu getah. Memang ada perancangan-perancangan terperinci malahan kajian telah pun dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang teknologi getah dan telah pun diserahkan kepada Kerajaan tentang perkembangan sektor industri getah di dalam negara kita, dan bagaimana industri ini dapat diperkembangkan dari peringkat ke peringkat supaya bukan setakat 70,000 tan tetapi lebih daripada itu, sehingga 300,000 tan getah yang dihasilkan dalam negara kita, dapat digunakan dan diproseskan untuk mengeluarkan barang-barang buatan getah daripada Malaysia sendiri.

Jikalau hendak disebut, memang banyak usahanya. Salah satu daripadanya ialah kita telah pun menyebutkan tadi bahawa kajian terperinci tentang jenis-jenis bahan-bahan berasaskan getah yang kita agak mempunyai potensi yang baik, selaras dengan dasar penggantian import (import substitution) yang sedang pun masuk ke peringkat yang kedua sekarang ini dan kita juga telah pun menyatakan bahawa oleh sebab kita pengeluar getah yang terbesar, kemungkinan besar juga bahawa Malaysia boleh menjadi pengeksport tayar getah yang terbesar di dunia. Langkah-langkah ini telah pun diambil oleh pihak agensi-agensi yang terlibat

untuk mengkaji bagaimanakah caranya supaya getah kita dapat menembusi pasaran dan dengan cara itu menggunakan lebih banyak daripada getah-getah yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Saya fikir kalau sekiranya pengeksportan barang-barang hasil getah ini dapat dipertingkatkan, sudah pasti hasil yang lebih banyak boleh diperolehi oleh mereka yang terlibat dari segi pengeluaran getah termasuk juga petani-petani, pekebun-pekebun kecil getah kerana dengan demand yang bertambah di peringkat pasaran antarabangsa, sudah pasti akan meningkatkan juga harga getah kita di peringkat antarabangsa dan dalam negeri.

KILANG MEMPROSES BARANG-BARANG—PENUBUHAN

9. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada dalam usaha menarik penanaman modal dan pelaburan luar negeri dan tempatan sama ada kecil ataupun besar Kerajaan akan mendirikan kilang-kilang untuk memproses barangan seperti kayu, rotan, buluh, batu-bata dan bahan-bahan buangan di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Baling, Gerik dan Ulu Kelantan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan Yang Berhormat bermaksud sama ada Kerajaan akan melibatkan diri untuk mendirikan kilang-kilang memproses barang-barang seperti yang dinyatakan, jawapannya Kerajaan tidak bercadang buat setakat ini untuk melibatkan diri secara langsung untuk mendirikan kilang-kilang memproses barang-barang seperti kayu, rotan, buluh, bata-bata dan bahan-bahan buangan di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Baling, Gerik dan Ulu Kelantan.

Tetapi jika apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah sama ada Kerajaan akan menggalakkan penubuhan kilang-kilang untuk memproses barang-barang yang berkenaan di kawasan-kawasan seperti kawasan Ahli Yang Berhormat itu, jawapannya ialah, ya. Kerajaan sememangnya menggalakkan penubuhan projek-projek tersebut selaras dengan dasar untuk membangunkan kawasan-kawasan kurang maju. Kerajaan akan terus memberikan galakan-galakan, dorongan-dorongan dan bantuan-bantuan untuk pengusaha-pengusaha yang ingin mendirikan kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah sejajar dengan usaha untuk membawa pembangunan industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju dan untuk menarik banyak lagi pelabur-pelabur baik dari dalam ataupun dari luar negeri.

Galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan dalam bentuk galakan-galakan cukai yang melibatkan galakan tempatan (locational incentive) dan galakan-galakan kawasan pembangunan (development area).

Saya juga mendapat tahu bahawa selain daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar juga sedang melaksanakan projek untuk menubuhkan kilang-kilang kecil di kawasan-kawasan kampung yang bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan industri-industri kampung. Kilang-kilang tersebut akan memproses bahan-bahan tempatan seperti buluh, kayu dan tanah liat dan akan didirikan di kampung-kampung. Projek yang berkenaan itu, kita diberi tahu akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat iaitu Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang ditubuhkan

oleh Kementerian itu yang berkenaan dengan tujuan ataupun dengan bantuan pengusaha daripada Taiwan. Kilang-kilang yang akan didirikan akan ditubuhkan sendiri oleh syarikat ini ataupun berkongsi atau usahasama dengan pengusaha-pengusaha kampung yang berkenaan.

INDUSTRI TEKSTIL MALAYSIA

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan industri tekstil mengupah 60,000 pekerja apakah Kerajaan sedar cadangan Amerika Syarikat untuk mengenakan "Counter-vailing duty" terhadap tekstil industri di Malaysia akan menjejaskan survivalnya. Jika ya, apakah tindakan Kerajaan dalam membela industri dan langkah protectionisme Amerika Syarikat.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan memanglah sedar terhadap implikasi yang tidak sihat yang akan timbul ke atas kedudukan industri tekstil Malaysia khususnya kepada para pekilang dan pengeksport tekstil Malaysia ke pasaran Amerika jika pihak pentadbiran Amerika memenuhi tuntutan pihak industri tempatan Amerika supaya pihak pentadbiran Amerika mengenakan, dengan izin, 'countervailing duty' ke atas barang-barang tekstil keluaran Malaysia yang diimport ke negara tersebut.

Soalan mengenai perkara yang ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan jawapan mengenainya telah pun saya jelaskan di Dewan yang mulia ini pada persidangan pada 24hb Oktober, 1984 yang lepas.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya minta hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pasaran tekstil Malaysia ke negara Amerika. Adakah sebenarnya negara-negara ASEAN itu sendiri di mana kita sendiri menjadi salah satu daripada anggota, sebenarnya berebut pasaran di Amerika dan bagaimana kedudukan kita dalam persaingan semacam ini dan tidakkah sebenarnya Amerika mempunyai satu dasar 'preferential' ataupun keutamaan terhadap negara-negara yang berlainan di kalangan negara-negara ASEAN, misalnya mungkin Singapura dan Thailand.

Berhubung dengan ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu berikutan dengan langkah devaluation nilai Baht sebanyak 17.3% baru-baru ini berbanding dengan US dollar, adakah tidak kita akan terus kehilangan lagi pasaran tekstil di Amerika oleh kerana lebih murah bagi mereka membeli daripada Thailand.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, pasaran bagi tekstil kita ke Amerika Syarikat adalah tertakluk kepada kuota yang telah pun diperuntukkan oleh pihak pentadbiran Amerika dan sulacita saya memaklumkan bahawa setakat ini kuota tersebut telah pun dipenuhi hampir 100%. Negara-negara ASEAN yang lain juga mempunyai kuota-kuota mereka yang tertentu dan di bawah kuota ini memang ada satu kadar preferential ataupun keistimewaan yang diberikan bagi kemasukan barang-barang hasil tekstil dari negara kita.

Keduanya, saya tidak fikir apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mungkin akan menjejaskan masalah kemasukan barang tekstil kita ke Amerika Syarikat disebabkan oleh

kadar nilai wang Siam atau Thailand yang telah diturunkan berbanding dengan Amerika Syarikat. Walaupun pada peringkat awalnya mungkin ada tetapi saya sebutkan tadi bahawa kadar kuota yang telah pun ditetapkan tadi telah pun dipenuhi oleh pihak kita dan justeru itu, saya berpendapat bahawa oleh sebab pengeluaran-pengeluaran dan pengeksporth-pengeksporth tekstil Malaysia adalah dianggap efficient dan mampu mengeluarkan barang-barang itu dengan harga yang competitive, saya tidak fikir bahawa akan menjejaskan kedudukan pasar tekstil kita di Amerika Syarikat.

Tuan Lee Lam Thye: Tidak lama dahulu, Kerajaan ada mengumumkan bahawa Kementerian yang berkenaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji semua masalah-masalah yang dialami oleh industri tekstil di negara kita termasuk masalah yang disebutkan dalam soalan ini. Suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jenis perkembangan tentang penubuhan jawatankuasa itu dan apakah perakuan yang telah dibuat setelah masalah ini dikaji.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti tentang soalan Yang Berhormat itu, saya fikir tidak berapa tepat dengan soalan asal, tetapi bolehkah saya bayangkan bahawa memang kita telah pun menubuhkan jawatankuasa dan telah pun mengadakan banyak perbincangan dengan wakil persatuan pengeluaran-pengeluaran dan pembuat tekstil Malaysia, bukan sahaja tentang masalah pasaran di Amerika Syarikat tetapi masalah industri itu pada keseluruhannya. Tetapi saya tidak dapat menyatakan di dalam Majlis pada hari ini secara terperinci apakah keputusan yang telah dicapai setakat ini.

HOSPITAL BESAR KOTA BHARU—MENGANTI-KAN

11. **Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan oleh kerana Hospital Kubang Kerian yang pada asalnya dibina untuk menggantikan Hospital Besar Kota Bharu telah dijadikan Hospital Universiti Sains Malaysia, adakah Kerajaan bercadang hendak membina sebuah hospital bagi menggantikan Hospital Besar Kota Bharu yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tiada cadangan pada masa ini untuk membina sebuah hospital baru bagi menggantikan Hospital Besar Kota Bharu yang sedia ada. Ini adalah oleh kerana Hospital Besar Sains Malaysia di Kubang Kerian yang mengandungi 730 katil dan melengkapkan dengan kemudahan-kemudahan yang moden akan dapat memenuhi sebahagian dari fungsi sebuah Hospital Besar bagi Negeri Kelantan dan juga bagi penduduk di Kota Bharu. Sungguhpun demikian Hospital Besar Kota Bharu akan terus berfungsi sebagai Hospital Besar biasa dan tindakan sedang diambil untuk membina wad-wad baru bagi menggantikan wad-wad yang lama. Ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian untuk membaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Besar Kota Bharu.

SISTEM FARAID— PELAKSANAAN

12. **Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sistem Faraid telah dilaksanakan dalam pembahagian wang simpanan kepunyaan orang Islam seperti dalam KWSP, Bank Simpanan, Tabung Haji dan ASN kepada ahli warisnya.

Sekiranya telah dilaksanakan, bila. Dan kalau tidak, kenapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sistem faraid secara langsung belum lagi dilaksanakan dalam pembahagian wang simpanan kepunyaan orang-orang Islam. Walau bagaimanapun, KWSP secara tidak langsung melaksanakan sistem faraid itu iaitu dengan cara menasihatkan kepada penama yang menerima wang simati supaya membahagi-bahagikan wang tersebut kepada waris-waris yang hak mengikut hukum faraid. Badan Perunding Islam pada masa ini sedang mengkaji kaedah pembahagian harta pusaka mengikut faraid di KWSP dan kemudiannya akan diikuti dengan institusi-institusi kewangan yang lain. Di Bank Simpanan Nasional, sistem faraid telah pun di laksanakan dalam pembahagian wang simpanan kepunyaan orang-orang Islam iaitu sebaik-baik sahaja keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Raja-raja dalam mesyuarat yang ke-117 yang diadakan pada 21-2-1980.

Satu pekeliling telah diedarkan oleh pihak Pengurusan Bank Simpanan Nasional kepada semua pejabat-pejabat cawangannya supaya menerangkan kepada penyimpan yang beragama Islam yang ingin membuat penamaan bahawa mereka tidak lagi perlu berbuat demikian dan bahawa penamaan-penamaan yang telah dibuat akan dengan sendirinya terbatal apabila sistem Faraidh dijadikan sebagai undang-undang mengenai pembahagian wang simpanan si mati di BSN.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah memakai sistem penama. Apabila seseorang penyimpan

meninggal dunia wang simpanannya itu dibayar kepada penamanya yang merupakan sebagai pemegang amanah. Pada masa cek pembayaran dihantar kepada penama, Tabung Haji menasihatkan secara bertulis supaya wang simpanan si mati itu dibahagikan mengikut hukum Syarak. Sekiranya penyimpan yang meninggal dunia itu tidak mempunyai penama, simpanannya akan dibahagikan kepada warisnya mengikut surat kuasa yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, oleh Pegawai Pentadbir Pesaka atau oleh Pejabat Tanah ataupun mengikut surat pembahagian secara Faraidh daripada Pejabat Kadi atau Mahkamah Syariah.

Sementara itu, Amanah Saham Nasional pula tidak mengadakan sistem penama dalam pembahagian pelaburan skim ASN, sebaliknya pelaburan dalam skim ASN dibahagikan kepada waris-waris pelabur yang meninggal dunia mengikut hukum Faraidh.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika sekiranya Bank Simpanan Nasional dan Tabung Haji boleh mengadakan sistem Faraidh, soalan saya mengapakah KWSP tidak boleh menjalankan hukum Faraidh ini dengan segera?

Soalan yang kedua dengan nasihat itu, ianya telah pun bercanggah ataupun bertentangan dengan hukum Faraidh itu sendiri. Bilakah hukum Faraidh ini akan dijalankan oleh KWSP ini bagi membolehkan umat Islam menjalani hukum ini dengan sempurna, seperti tanah-tanah atau harta-harta yang lain yang perlu dibahagikan mengikut sistem Faraidh ini?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, pihak KWSP sendiri sedang mengkaji perkara ini. Apa yang berlaku

sekarang iaitu sistem menerusi penasihatannya itu adalah langkah sementara dan akan diperbaiki kemudian kerana banyak lagi pihak-pihak yang lain sedang mengkaji dan meneliti saranan yang telah dibuat di dalam beberapa kajian dan juga di dalam beberapa seminar mengenai dengan pentingnya penukaran sistem pelaksanaan hukum Faraidh ini.

Mengenai soalan yang kedua, saya rasa perkara itu sedang dalam perhatian pihak pentadbiran.

PROGRAM LATIHAN PERTANIAN

13. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi mengadakan program latihan yang khusus bagi pengusaha-pengusaha ladang di peringkat desa bagi meningkatkan taraf kecekapan pengusaha-pengusaha ladang berkenaan. Jika ada, apakah bentuk-bentuk program yang dicadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mengadakan program latihan khusus seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana program yang ada sekarang adalah mencukupi untuk mencapai matlamat meningkatkan taraf kecekapan pengusaha-pengusaha ladang di kawasan-kawasan luar bandar.

Program-program latihan ini dijalankan oleh Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang kesemuanya mempunyai matlamat yang sama iaitu mewujudkan golongan peladang yang cekap di dalam bidang pertanian atau ternakan masing-masing.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang dan menganggapkan bahawa peraturan sekarang ini sudah mencukupi. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa sekarang ini latihan-latihan itu memang tidak mencukupi dan kakitangan Kementerian Pertanian telah tidak mencukupi? Dan satu lagi adakah Kementerian juga sedar bahawa penemuan-penemuan baru di segi teknologi pertanian ini telah tidak sampai kepada petani-petani kecuali padi kerana kekurangan kakitangan ini? Apakah program selanjutnya bagi pihak Kerajaan untuk menyampaikan penemuan-penemuan baru dalam penyelidikan pertanian supaya semuanya dapat diterima oleh kaum petani ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan tambahan beliau. Kementerian saya tidak sedar bahawa program-program yang ada sekarang tidak mencukupi dan saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya memberi teguran dan pandangan yang lebih tepat tentang program-program yang sedang dijalankan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan di bawah jajaan Kementerian Pertanian oleh kerana dengan adanya pandangan dan teguran yang tepat Kementerian serta agensinya dapat mengkaji dengan teliti dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Kementerian memang sedar bahawa program-program yang dijalankan patutlah memberi keutamaan kepada tujuan menaikkan taraf kecekapan pengusaha-pengusaha ladang.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pertanian tadi

bahawa petani-petani kita telah cekap. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kaum Cina dan orang-orang Melayu keturunan Jawa telah lebih meningkat taraf kecekapannya dalam mengusaha kebun-kebun sayur dan ladang-ladang kerana kerajinannya tanpa latihan? Dan adakah langkah Kerajaan menghantar pegawai-pegawai pertanian turut sama berladang dan bertani, memberi contoh, khidmat nasihat dan bantuan serba sedikit bagi menjaya dan menambahkan lagi kejayaan mengusaha ladang di peringkat desa.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa perkauman merupakan satu aspek dalam bidang pertanian kerana mengikut kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian, petani-petani atau peladang-peladang Melayu pun sangat maju di beberapa tempat yang tertentu seperti kawasan MADA di Kedah. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri Pertanian tadi ada menyebut bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan program khas mengenai latihan peladang dan menyatakan bahawa latihan ini hanya dilakukan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian. Sekarang saya bertanya dapat kiranya Timbalan Menteri menyatakan berapa ramaikah bilangan peladang-peladang kita yang telah kita beri latihan?

Yang kedua, apakah, dengan izin, "follow-up" ataupun tindakan susulan supaya mereka-mereka yang diberi kursus itu benar-benar telah menjalankan ilmu perladangan yang telah diajar oleh Jabatan Pertanian ataupun lain-lain agensi?

Yang ketiganya, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa kursus-kursus yang diadakan oleh Jabatan Pertanian, MARDI dan lain-lain itu terlalu singkat dan ini tidak mencukupi dan adakah Kerajaan bercadang supaya latihan itu dapat diperpanjang khususnya kursus mengenai peladang-peladang yang berusaha dalam koko oleh kerana koko sekarang ini dari segi gred dan sebagainya sangat diperlukan oleh peladang luar bandar.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, saya perlukan notis dan saya akan hantar butir-butir yang berkenaan kepada Ahli Yang Berhormat.

Soalan yang kedua, pegawai-pegawai di bawah jagaan Kementerian Pertanian memanglah mengambil tindakan follow-up seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Soalan yang ketiga, saya ambil perhatian teguran Ahli Yang Berhormat bahawa kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian sangatlah singkat terutama sekali tentang koko dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan berbalik semula. Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

WANG PENGAJIAN DI LUAR NEGERI—BELANJAWAN “DEFICIT”

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan “deficit” yang mengejutkan di dalam belanjawan kita disebabkan sedikit sebanyak oleh keluaran wang untuk pengajian di luar negeri dan hakikat bahawa pihak Kerajaan adalah salah satu “tertubuh” dalam menyumbangkan kepada deficit ini kerana pada tahun 1983, 22%

jumlah penuntut Malaysia di seberang laut adalah ditajakan oleh pihak Kerajaan:

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan atas pembangunan dalam tahun 1983 oleh keenam-enam buah universiti yang sedia ada sekarang dan berbanding dengan jumlah wang yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan dalam menghantar penuntut-penuntut tajaan Kerajaan ke seberang laut dalam tahun 1983; dan
- (b) sama ada beliau akan menimbang membelanjakan tabung wang awam untuk membina lebih lagi universiti untuk memberi faedah kepada lebih ramai lagi penuntut dan di waktu yang sama mengurangkan keluaran pertukaran wang asing dan ini agak lebih baik daripada memberi faedah kepada penuntut-penuntut yang telah dihantar ke seberang laut.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1983, sebenarnya ada 5 buah universiti sahaja, bukan 6 dan jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada kelima-lima buah universiti itu ialah \$498,582,000 daripada jumlah tersebut \$159,208,814.49 dibelanjakan untuk pembangunan. Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas kesemua penuntut-penuntut tajaan Kerajaan di luar negeri dalam tahun yang sama ialah \$477,385,880.

Pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menambah bilangan universiti di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah pun merangka beberapa program bagi menjimatkan peruntukan wang asing seperti mengadakan kursus-kursus

persediaan untuk pelajar-pelajar Sijil Pelajaran Malaysia keluar negeri di sini dengan mengadakan Komuniti Kolej, Universiti Berkembar (Twinning) dan juga dengan menambahkan lagi peluang-peluang untuk pelajar-pelajar kita di universiti-universiti tempatan, terutama dalam bidang pelajaran yang sangat-sangat dikehendaki. Dalam hal ini, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah pun meluluskan bagi mengadakan 3 fakulti baru, Fakulti Kejuruteraan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Kejuruteraan di Universiti Pertanian Malaysia dan Pusat Pengajian Sains Kejuruteraan dan Teknologi Perindustrian di Universiti Sains Malaysia.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kos atau tanggungan Kerajaan bagi setiap murid di universiti tempatan berbanding dengan tanggungan Kerajaan bagi setiap murid universiti Kerajaan di luar negeri?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta notis.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya minta notis.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, adakah benar pelajar-pelajar kita yang tidak akan dihantar lagi ke United Kingdom ataupun Australia bagi mengikuti kursus "A" Level itu akan diadakan dalam negeri selama dua tahun. Ini mungkin akan mengurangkan belanja jika kita bandingkan dengan luar negeri, tetapi adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan hanya kursus "A" Level ini satu tahun, mungkin belanjanya lebih kurang sahaja.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mungkin mengadakan kursus "A" Level untuk satu tahun, satu tahun adalah dijangka masa yang sangat singkat untuk membolehkan pelajar-pelajar kita mendapat persediaan secukupnya bagi mengambil peperiksaan "A" Level itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

USUL

**UCAPAN TAHNIAH KEPADA
D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA AL-MUTAWAKKIL
ALALLAH SULTAN ISKANDAR,
YANG DI-PERTUAN AGONG
KELAPAN ATAS PERLANTIKAN-
NYA—IKRAR TAAT SETIA**

4.05 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Usul seperti berikut:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafas ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semalam 15hb November seluruh rakyat telah merayakan dengan penuh kegembiraan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke 8. Istiadat pertabalan itu ialah satu amalan tradisi yang merupakan kemuncak kepada proses pemilihan seorang Raja Berperlembagaan.

Dengan izin, Allah s.w.t. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar telah dipilih oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja untuk menaiki takhta Kerajaan sebagai Raja memerintah bagi seluruh Malaysia selama tempoh 5 tahun.

Saya yakin Kerajaan dan rakyat akan mendapat manfaat yang bertambah daripada pemerintahan seorang Raja yang berpengetahuan, dan berpengalaman serta yang sentiasa memberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Sesungguhnya pertabalan Seri Paduka Baginda merupakan satu peristiwa bersejarah dalam Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang kita amalkan. Seri Paduka Baginda merupakan teras pemerintahan Beraja dan mercu dalam sistem Parlimen di negara ini. Seri Paduka Baginda juga menjadi lambang perpaduan dan tumpuan taat setia seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah menjadikan negara kita lebih aman, makmur, bersatupadu dan bermaruah. Oleh yang demikian, kita tidak patut lalai terhadap ancaman daripada golongan-golongan dan anasir-anasir yang sengaja hendak menggugat azam dan tekad serta usaha kita untuk mencapai matlamat ini. Dalam menghadapi cabaran-cabaran yang sedemikian negara memerlukan taat setia yang tidak berbelah bahagi daripada rakyat. Ini menjadi lebih rumit oleh kerana dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan yang mengamalkan sistem demokrasi terdapat golongan-golongan yang sengaja menggunakan isu-isu politik, ugama dan perkauman untuk kepentingan sendiri. Oleh yang demikian adalah mustahak bagi semua pihak mengutamakan kepentingan negara dan mengukuhkan perpaduan antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil sempena peristiwa yang bersejarah ini, bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya dengan perasaan sepenuh ikhlas mempersembahkan Ucapan Setinggi-tinggi Tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang ke 8. Saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat berikrar akan menumpukan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semoga Allah s.w.t. akan memakbul dan memberkati doa kita supaya Malaysia akan bertambah aman, makmur dan bersatupadu dalam tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda.

Saya juga berdoa semoga Allah s.w.t. melimpahkan taufik dan hidayahNya kepada Seri Paduka Baginda dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, selamat sejahtera bersemayam di atas takhta Kerajaan Malaysia dengan penuh daulat dan kebesaran.

4.10 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang unik. Pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipilih di antara Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja secara bergilir-gilir setiap 5 tahun sekali merupakan lambang perpaduan bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia ini. Pemerintahan beraja memainkan peranan yang paling penting dalam

Perlembagaan kita dan dalam konteks Rukunegara, ia melambangkan kedaulatan negara dan darjat rakyat kita. Ini adalah satu asas di mana letaknya identiti kita yang sama dan perpaduan negara.

Pemilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelapan oleh Jemaah Majlis Raja-raja disambut dengan ucapan tahniah oleh segenap lapisan rakyat jelata sekalian. Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disambut meriah oleh rakyat Malaysia mengesah dan seterusnya membuktikan hasrat 'commitment' dan kepercayaan negara yang tidak terputus kepada keduanya, institusi Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Hakikat ini adalah merupakan satu pertanda yang sungguh baik bagi masa depan Malaysia.

Sungguhpun Malaysia berdiri teguh dan megah dan rakyat kita hidup aman dan damai, kita perlu juga berwaspada setiap masa demi untuk memelihara keadaan ini. Buat dewasa ini terdapat berbagai-bagai tekanan yang melandakan negara kita. Tekanan-tekanan ini sudah nyata adalah perbuatan anasir-anasir subversif dan musuh negara yang ingin memecah-belahkan perpaduan rakyat kita. Mereka ini berasa tidak senang dengan pembangunan dan kemajuan yang tercapai di Malaysia di bawah usaha Kerajaan Barisan Nasional, di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan di bawah naungan Raja-raja Berperlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, musuh-musuh negara kita kini tidak puas lagi hanya dengan permusuhan perpaduan rakyat yang telah mencetuskan polarisasi kaum, lebih-lebih lagi mereka

berhasrat juga untuk menimbulkan kacau-bilau di dalam masyarakat setiap kaum di Malaysia. Ini jelas diperhebatkan dari beberapa isu yang menyentuh unsur perkauman dan agama yang sengaja ditimbulkan untuk menghasut dan menghancurkan perpaduan masyarakat Melayu, Cina dan India. Serangan musuh ini adalah dilakukan dengan menggunakan dua cara, iaitu mewujudkan perpecahan perpaduan rakyat dan serentak dengan itu sendiri. Perpecahan dalam setiap masyarakat Malaysia tentu akan menjejaskan perpaduan di antara kaum, oleh yang demikian, kita mesti berwaspada dan seterusnya bertindak agar ancaman ini dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang saya gambarkan tadi belum lagi ke tahap yang serius dan masih terkawal. Sungguhpun demikian, kita haruslah berjaga-jaga demi untuk melindungi dan memelihara cara hidup kita yang berdemokratik. Saya berasa penuh yakin bahawa di bawah pemerintahan dan inspirasi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, negara ini akan dapat mengatasi segala-galanya ancaman yang saya sebutkan tadi.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan seorang Raja yang amat disayangi oleh rakyat. Semasa menjadi Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia sering kali melawat setiap pelusuk Negeri Johor untuk bergaul dan mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Baginda dari semua kaum. Duli Yang Maha Mulia adalah seorang Raja yang pemurah yang akan tetap akan mengambil berat tentang kebajikan anak-anak negeri Baginda. Saya pasti Duli Yang Maha Mulia akan terus mengutamakan kebajikan dan kebahagiaan rakyat dalam tempoh masa pemerintahan Baginda.

Bagi pihak semua rakyat, Dewan ini ingin merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta menjunjung kasih melafazkan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda semoga di dalam pemerintahan Tuanku, Malaysia akan mencapai kejayaan dan lebih gemilang dalam semua aktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

4.15 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Parti DAP untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Kita berdoa semoga di bawah pemerintahan Baginda, Malaysia akan lebih bersatu padu, kukuh, adil dan saksama. Semenjak pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong pada April, 1984, Baginda dan Raja Permaisuri Agong telah memikat hati rakyat Malaysia dari semua lapisan dan keturunan, khasnya sikap "approachability" dan perhatian Baginda berdua terhadap kebajikan rakyat.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah pun mencatatkan sejarah sebagai Ketua Negara Malaysia yang pertama yang sudi mendermakan Elaun Perkhidmatan Baginda berdua bagi seluruh tempoh perkhidmatan selama 5 tahun yang berjumlah \$3.8 juta untuk meningkatkan mutu pelajaran dan penyelidikan ilmiah di negara ini dengan menubuhkan sebuah Yayasan Pelajaran bagi maksud tersebut. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah memulakan satu pemerintahan rakyat atau, dengan izin, "people's reign" dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melafazkan ketaat setiaan partai saya kepada Yang di-Pertuan Agong dan berdoa agar pemerintahan Baginda akan menjadi satu pemerintahan gemilang.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan bangga menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Negara Malaysia kita adalah dikenali dunia dengan cara pemerintahan yang istimewa. Kita telah mewujudkan dan menjalankan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Apa yang lebih istimewa dan unik ialah Raja dipilih oleh Raja-raja Melayu 5 tahun sekali dengan sistem giliran. Tradisi dan sistem ini sendiri memberi kepada rakyat negara kita pelbagai peluang merai dan mengukuhkan cara pemerintahan negara. Raja yang dipilih itu menjadi satu sumber kebahagiaan dan lambang perpaduan kepada seluruh tanahair dan segenap rakyat Malaysia.

Dalam tradisi yang kita gemari itulah kita berpeluang pada hari ini di Parlimen merafak sembah mengucapkan tahniah dan melafazkan taat setia kita kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan, Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Sultan Johor yang telah ditabalkan semalam, iaitu 15hb November, 1984. Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar telah dalam masa yang singkat menjadi Sultan Johor dan memegang teraju pemerintahan negara Malaysia membuktikan peribadi dan identiti Baginda sendiri dan melalui itu merapatkan Baginda dengan semua keturunan dan lapisan masyarakat Malaysia. Baginda serta Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Sultanah Hajah Zanariah telah mula digelar dengan perasaan sayang oleh rakyat sebagai Raja Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah dalam 27 tahun usianya sebagai negara merdeka menunjukkan usaha dan inisiatif yang giat untuk mempertahankan dan mengukuhkan sistem pemerintahan yang kita pilih dari dahulu. Dengan sistem ini kita telah terus berikhtiar untuk menegakkan sebuah negara yang bersatu padu dengan rakyat yang majmuk dan dalam peringkat pembangunan yang berlainan.

Kita telah cuba memberi kepada semua rakyat kebebasan kehidupan mereka walaupun terdapat berbagai bahasa, agama, budaya, cara pakaian dan makanan, asalkan taat setia dan cinta kepada negara. Dengan perbezaan yang begitu banyak di kalangan rakyat, bolehlah dianggap sebagai satu kejayaan yang cemerlang bahawa kita telah dapat menjalankan secara berterusan cara pemerintahan negara kita dan mewujudkan suasana hidup di mana semua berpeluang

menerokai kebahagiaan mereka. Lebih-lebih lagi apa yang kita harus merasa megah bahawa kemajuan yang pesat telah dapat dinikmati oleh seluruh tanahair dan semua lapisan rakyat. Dalam segala usaha ini tujuh Baginda yang telah bertakhta sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Baginda kita pada masa ini telah menunjukkan jalan menjadi penasihat, penaung dan pemimpin yang *par excellence*, dengan izin. Baginda-baginda kita telah sentiasa menjadi sumber perpaduan, ketahanan dan usaha rajin rakyat kita. Tidaklah syak lagi bahawa institusi Raja Berperlembagaan kita telah dapat memberi bimbingan dan semangat kepada kesemua usaha Kerajaan dan rakyat di tanahair kita.

Kami sebagai masyarakat keturunan India sentiasa menjunjung tinggi segala teladan dan usaha Baginda dan terus mengucap tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultanah Hajah Zanariah sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Rakyat Malaysia menjunjung Titah Baginda agar semua rakyat mengamalkan sifat sederhana dalam segala tindak tanduk dan tutur kata sebagai usaha yang penting sekali bagi menjaga maruah dan keharmonian negara. Baginda juga telah berseru kepada semua rakyat agar berusaha demi keamanan dan kesejahteraan negara. Kami bersama-sama rakyat yang lain berdoa agar pemerintahan Baginda akan penuh diberkati dan Baginda berdua akan direstui dengan segala kebahagiaan dan kesejahteraan.

Saya menyokong.

4.23 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, pada hari yang bertuah ini saya bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Sukalah saya menyatakan ikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara.

Kekuasaan Raja adalah simbol perpaduan rakyat negara kita yang berbilang bangsa. Perpaduan kebangsaan adalah yang paling mustahak untuk kestabilan politik negara kita. Sebagai wakil kepada rakyat jelata memang menjadi tugas utama dan tanggungjawab kita untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dan jujur supaya dapat menyatupadukan rakyat dari berbilang kaum demi untuk menjamin keamanan dan kemakmuran negara. Tugas yang penting ini telah memberi kesan kepada kita semua di dalam Dewan ini apabila negara kita terus menghadapi cabaran sama ada dari luar mahupun di dalam. Sebagai pemimpin politik negara ini kewajipan dan kejujuran kita terhadap pencapaian perpaduan kebangsaan akan mendorong dan meninggikan lagi kesedaran rakyat di atas tanggungjawab mereka untuk bekerja lebih keras untuk kesejahteraan negara.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong juga merupakan Ketua bagi umat Islam di negara kita. Di samping itu juga sebagai pemerintah yang agung, Seri Paduka juga menjamin perlindungan dan tolerance, dengan izin, terhadap mereka yang menganuti kepercayaan agama-agama lain selaras dengan Perlembagaan kita. Seri Paduka Baginda adalah seorang yang berjiwa

rakyat dan telah menunjukkan perhatian berat kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Saya yakin bahawa Malaysia akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kemakmuran semasa pemerintahan Seri Paduka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

4.25 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili parti saya HAMIM (Hizbul Muslimin) turut bersama menyokong di atas cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyebarkan Ucapan Tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia Yang Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan seluruh anggota Parti Hizbul Muslimin begitu juga rakyat Malaysia berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru ini, negara Malaysia akan mencapai tahap kemakmuran dan kebahagiaan serta keamanan negara kita dan tercetusnya perpaduan ummah dalam negara kita yang pada masa akhir-akhir ini ternyata banyak menimbulkan titik-titik perpecahan dan sebelum daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ditabalkan, sebagai pelindung agama mengikut Perlembagaan negara kita, Duli Yang Maha Mulia telah menggunakan kuasanya untuk mengelakkan sesuatu perpecahan berlaku dalam negara kita demi untuk menjaga perpaduan ummah negara kita yang terdiri daripada berbagai golongan dan keturunan.

Pada hari ini juga saya melafazkan junjung kasih dan penghargaan yang tinggi kepada Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong yang dalam Titahnya yang pertama daripada singgahsananya kelmarin ada menyebutkan hajat dan cita-cita Kerajaan iaitulah hendak menegakkan sebuah negara "Baladun Taiyibatun Warabbun Ghafur" yang inilah juga menjadi matlamat dan harapan perjuangan Parti Hizbul Muslimin. Dan saya dengan ini turut bersama sekali lagi memberi sokongan di atas cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

4.28 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bangun bagi pihak saya sendiri dan bagi pihak Parti Bangsa Dayak Sarawak untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Dewan ini mempersembahkan satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda sebagai Yang di Pertuan Agong Yang Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin negara akan terus maju di bawah teraju pemerintahan dan naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu.

Saya tertarik dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di waktu Istiadat Pertabalan semalam supaya semua rakyat mengamalkan sifat kesederhanaan dalam segala tindak-tanduk dan tutur kata bagi menjaga keharmonian serta mengelakkan perpecahan dan persengketaan. Titah itu adalah suatu Titah yang sangat penting lebih-lebih

lagi bahawa negara kita adalah sebuah negara yang rakyatnya terdiri dari berbilang kaum dan berbilang agama. Keharmonian dan perpaduan dan semangat persaudaraan di antara semua kaum di negara ini yang penting dipelihara sebagai asas kestabilan negara mungkin akan terjejas kalau kita semua tidak mengingatkan perasaan sensitivity yang memang sentiasa wujud di semua kamu di negara ini.

Satu tindakan ekstrimis di kalangan sesiapaupun dan dalam apa-apa bentuk pun termasuk keagamaan akan memberi kesan yang buruk kepada kestabilan negara. Oleh itu titah Seri Paduka Baginda hendaklah menjadi matlamat kepada semua rakyat supaya negara yang kita kasihi ini kekal terus maju setabil dan teguh dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

4.31 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar sebagai Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan negara kita Malaysia.

Sesungguhnya semuanya rakyat Malaysia sepatutnya berasa bangga dan bergembira kerana Yang di-Pertuan Agong kita ini ialah seorang Raja yang berjiwa rakyat yang mana beliau menunjukkan jiwa beliau

sentiasa berdamping kepada rakyat, seorang Raja yang cenderung kepada sukan yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini sangat-sangat mempunyai perasaan rendah hati sehingga Baginda sanggup mendermakan segala elaun bayaran ganjaran Baginda untuk kepentingan rakyat jelata sekalian.

Saya terkilan sedikit dimasa pertabalan baginda semalamlah kerana adanya bangku-bangku yang kosong daripada Ahli-ahli Pembangkang yang mana menyebabkan seolah-olah menjadi satu perkara yang tidak manis di Majlis Pertabalan itu. Selain daripada ini juga Ahli-ahli Parlimen yang telah dikehendaki untuk memakai uniform untuk merayakan Majlis Pertabalan itu bagi pihak Pembangkang telah tidak menggunakan uniform yang dikehendaki yang diarahkan oleh pihak Dewan Rakyat walhal perkara ini hanya dilakukan hanya lima tahun sekali yang mana pada pendapat saya tidak patutlah diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan ucapan tahniah daripada pihak parti Pembangkang, walau bagaimanapun, saya mengharapkan supaya ikrar taat setia itu janganlah hanya dibibir sahaja tetapi hendaklah juga dikotakan dihati sekali (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini telah ada suara-suara sumbang yang berani mempersoalkan kuasa Raja-raja dengan suatu pihak berani mengkafirkan sesuatu pihak yang lain dan berani mengeluarkan fatwa-fatwa yang menyalahi hukum-hukum Islam bahkan arahan yang telah diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membatalkan debate UMNO-PAS itu telah dipergunakan oleh parti PAS

kononnya UMNOlah yang telah menyebabkan Yang di-Pertuan Agong membatalkan debat itu.

Ini adalah suatu perkara yang tidak patut disuarakan kerana sebagaimana yang kita ketahui kuasa agama adalah kuasa yang mutlak kepada Raja-raja dan seperti difahamkan Yang di-Pertuan Agong ialah seorang Raja yang bijaksana, yang tidak memerlukan kepada nasihat kerana baginda ada berpendirian sendiri. Dengan sebab itu saya sangat-sangat membantah kepada saranan PAS yang kononnya UMNO telah menyebabkan Baginda Yang di-Pertuan Agong membatalkan debat UMNO-PAS.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berdukacita kerana ahli PAS telah tidak hadir di dalam Majlis tersebut dan juga telah tidak ada dalam Dewan ini untuk bersama-sama memberi ucapan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.36 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak parti saya Parti Pusaka Bumiputra Bersatu dengan sepenuhnya berasa ikhlas menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia dan selamat sempurna ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada hari kelmarin 15hb November 1984.

Dengan sempurnanya upacara pertabalan yang berlangsung dalam suasana yang penuh meriah dan gilang gemilang itu maka telah berlakulah satu lagi detik peristiwa penting dalam sejarah tanahair kita dan yang akan diabadikan untuk diketahui oleh keturunan kita sekarang dan akan datang. Di samping itu istiadat pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Yang Kelapan ini juga telah mengukuhkan lagi konsep dan institusi Raja berperlembagaan yang melambangkan perpaduan dan keadilan yang mana sedia diterima oleh setiap lapisan rakyat tanpa mengira bagsa, agama dan keturunan bahawa kita bertuah kerana mendapat seorang Ketua Negara yang berhemah tinggi serta mempunyai serba kebolehan. Moga-moga kegigihan, kearifan dan kebijaksanaan dan pengalaman yang luas yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapatlah Baginda memimpin rakyat sekalian ke arah kesejahteraan hidup dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Sebagai seorang Raja, baginda telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap kebajikan rakyat jelata yang meliputi berbagai aspek termasuklah pembangunan, sosio ekonomi, perkembangan jasmani dan rohani yang nyata terbukti apabila baginda sendiri memberi perhatian perbadi dan terlibat secara aktif dalam sukan dan riadah serta bidang agama Islam.

Sukacitalah saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini bagi pihak parti kami untuk memperbaharui ikrar dan azam kita untuk menumpukan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan peranan baginda sebagai lambang kebesaran dan kedaulatan bangsa Malaysia dan juga sebagai turus negara.

4.38 ptg.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Bagi pihak parti BERJAYA dan rakyat jelata di negeri Sabah pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Johor melambangkan harmoni dan membuktikan keamanan dan kemajuan yang berterusan di negara kita. Kita semua yakin bahawa dengan pertabalan itu Kerajaan dan rakyat akan dapat meneruskan segala dasar, rancangan dan kemajuan yang masih sangat dikehendaki oleh rakyat jelata diseluruh negara kita ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong usul ini.

4.39 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan lafaz ikrar taat setia kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar di atas perlantikan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan.

Perlantikan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelapan telah disambut dengan gembira oleh semua rakyat Baginda.

Pertabalan Seri Paduka Baginda adalah satu lagi babak peristiwa yang sungguh bersejarah kepada negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi dan pemerintahan beraja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak pucak pimpinan dan ahli-ahli Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) berikrar taat setia dengan tidak berbelah bahagi kepada Seri Paduka Baginda.

Kami di Sarawak berasa amat bertuah di atas perlantikan Seri Paduka Baginda dan berasa yakin bahawa di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda negara kita akan terus aman dan makmur. Negara kita sedang menuju ke arah pembangunan negara dan kemajuan ekonomi demi kesejahteraan rakyat jelata.

Saya percaya negara kita akan terus maju ke hadapan dalam semua bidang seperti perpaduan rakyat, pelajaran, sains dan teknologi dan sebagainya.

Saya yakin negara kita mempunyai masa hadapan yang lebih cerah di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda. Rakyat akan mendapat perangsang dan dorongan yang kuat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang makmur dan bersatu padu.

Pemerintahan Seri Paduka Baginda akan memberi ilham dan inspirasi kepada rakyat untuk mencapai cita-cita yang murni itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa agar rakyat kita yang terdiri dari berbilang kaum, ugama dan keturunan akan sentiasa menikmati kehidupan yang aman sentosa dan makmur di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda.

Saya juga berdoa semoga dalam masa pemerintahan Baginda, negara

kita akan dilimpahi rahmat kemakmuran dan kesejahteraan adanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawab apa-apa?

Perdana Menteri: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui (*Tepuk*).

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar atas pemilihan Baginda menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini

hendaklah ditangguhkan pada jam 6.00 petang hari ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada jam 6.00 petang hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (Hari Keenam).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)—

Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.21, B.22, B.23 dan B.24 dan Kepala P.21, P.22, P.23 dan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

4.46 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 113 dan saya ingin menyentuh Butiran 4 Sukan, 4.2 Penggalakan Sukan dan Riadah dan 4.3 Kemajuan Sukan.

Tuan Pengerusi, atas perkara sukan, saya ingin menyentuh prestasi sukan antarabangsa yang Malaysia ada mengambil bahagian sama ada yang dianjurkan oleh negara ini ataupun oleh negara-negara lain.

Sepanjang tahun ini apa-apa sukan antarabangsa yang Malaysia mengambil bahagian adalah keputusannya tidak memuaskan.

Jenis sukan seperti badminton dan hockey yang mana taraf dan kedudukan Malaysia adalah di peringkat dunia pada suatu masa dahulu, sekarang apa yang saya ketahui kedua-dua acara sukan ini tidak lagi menunjukkan atau mengharumkan nama negara kita.

Prestasi pemain-pemain kita tidak menggalakkan, bahkan terus merosot. Kita tidaklah boleh menyalahkan sesiapa, sama ada pemain-pemain yang mewakili negara kita ataupun pegawai-pegawai dan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan.

Di dalam sesuatu perlawanan, ada pihak yang menang dan ada pihak yang tewas atau kalah. Ini memanglah

menjadi adat dan kebiasaan. Tetapi yang mendukacitakan sekali ialah kekalahan yang begitu teruk yang dialami oleh pasukan hockey kita dalam Kejohanan Olimpik, 1984 di Los Angeles baru-baru ini dan dalam pertandingan badminton Piala Thomas yang juga diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini dan juga Kejohanan Bola Keranjang Asia juga di Kuala Lumpur.

Dalam Kejohanan Bola Keranjang ini Malaysia telah mendapat tempat terakhir sekali. Yang menjadi tanda tanya kepada saya, Tuan Pengerusi, ialah setelah menghantar squad hockey kita ke beberapa buah negara Barat untuk berlatih sebagai salah satu persiapan untuk Kejohanan Olimpik dan membelanjakan wang yang begitu banyak, kenapakah kita masih kalah dengan teruk juga. Dalam persiapan ini, wang sebanyak setengah juta ringgit telah dibelanjakan.

Keadaan ini serupa juga berlaku kepada pasukan badminton kita. Dalam Pertandingan Piala Thomas di London pada tahun 1982 kita telah ditewaskan oleh England di peringkat suku akhir. Tetapi apabila Malaysia menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Piala Thomas tahun 1984, kita juga telah ditewaskan oleh England di peringkat separuh akhir juga. Mengapakah prestasi sukan kita tidak memuaskan?

Bagi mengatasi kekalahan yang sedemikian, saya mencadangkan supaya Majlis Sukan Negara menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji dan menyiasat mengapakah pasukan-pasukan kita telah gagal dalam pertandingan antarabangsa sungguhpun beratus ribu ringgit wang telah dibelanjakan untuk persiapan sebelum sesuatu pertandingan. Jawatankuasa ini juga hendaklah membuat rumusan untuk merekomenkan kepada Majlis Sukan Negara supaya melaksanakan syor-syor dan rumusan-rumusan ini.

Atas tajuk menggalakkan sukan ini juga, saya suka menyentuh Kompleks Sukan Negara. Saya difahamkan bahawa Kerajaan ada rancangan untuk membina sebuah kompleks sukan negara tetapi sehingga sekarang tidak nampak apakah kemajuannya dari segi pembinaan Kompleks ini. Dalam usaha untuk membina Kompleks ini, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, tentang apakah langkah atau tindakan yang telah diambil sehingga hari ini dalam perkara pembinaan kompleks sukan ini.

Apabila saya bercakap atas pembinaan Kompleks Sukan Negara, saya juga menyentuh betapa mustahaknya supaya kita dapat membina "Gelanggang Lumba Basikal" atau "Velodrome". Apa yang saya ketahui, pernah satu masa dahulu pasukan lumba basikal kita dihantar ke Bangkok untuk berlatih di Velodrome di sana memandangkan bahawa kita tidak ada Velodrome ini di negara kita.

Saya berharaplah bahawa pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang saya berucap di sini dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya dalam perkara sukan ini juga saya mengambil kesempatan untuk menggesa Kementerian yang berkenaan supaya dapat menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk bersukan dan sekiranya peruntukan Kerajaan tidak mengizinkan sekarang untuk mengadakan atau mencapai objektif ini, maka saya harap bahawa pihak swasta dapat dipelawa bekerjasama untuk membantu Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk bersukan sebagai salah satu tujuan untuk menggalakkan sukan di negara kita.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya suka menyentuh muka surat 112 mengenai kebudayaan dan saya ingin membahaskan Butiran 2.3—Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan dan 2.4—Penyelidikan Kebudayaan.

Berhubung dengan perkara kebudayaan, benarkan saya membangkitkan sekali lagi dalam Dewan ini bagaimana pentingnya peranan kebudayaan boleh dimainkan untuk membantu menyatu-padukan berbagai kaum yang tinggal dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia. Oleh kerana Malaysia ialah sebuah negara yang mengandungi berbagai kaum, berbagai agama dan budaya, adalah sangat penting kita merumus satu dasar kebudayaan yang akan berfungsi sebagai satu faktor penyatu-padu untuk semua kumpulan kaum dalam negara ini.

Dalam merumus satu dasar kebudayaan nasional untuk sebuah negara seperti Malaysia, semua kaum mestilah diberikan hak untuk melahirkan pandangan mereka dan membuat sumbangan-sumbangan yang bererti yang membina yang akan mewujudkan satu kebudayaan Malaysia yang tulin.

Dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia, Kerajaan mestilah tidak bersikap melampau dalam membuat rumusan Dasar Kebudayaan Nasional. Sebaliknya, Kerajaan mestilah berfikir terbuka dan mengamalkan satu sikap yang liberal terhadap kebudayaan semua kaum dan bersedia memberikan bahagian mereka dalam Dasar Kebudayaan Nasional.

Maka dalam hubungan ini saya ingin membangkitkan perkara memorandum mengenai Kebudayaan Nasional yang dikemukakan oleh 15 buah Pertubuhan Cina kepada Kementerian pada bulan Mac, 1983.

Memorandum menyatakan beberapa alasan bantahan ke atas Dasar Kebudayaan Nasional yang ada sekarang dan mengemukakan beberapa cadangan yang bermakna dan membina berhubung bagaimana untuk merumus satu Dasar Kebudayaan Nasional untuk Malaysia.

Perlu diingatkan kembali bahawa Menteri Kebudayaan telah berkata dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian telah menerima memorandum dan sedang mengkaji berbagai cadangan yang terkandung dalam memorandum itu.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah hasil kajian pihak Kementerian ke atas memorandum itu dan sejauh mana Kementerian bersedia menerima cadangan-cadangan yang terkandung dalam memorandum itu.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri yang dikenali sebagai seorang berfikir terbuka supaya menimbang memorandum ini dengan serius oleh kerana ianya mencerminkan aspirasi dan cita-cita rakyat Malaysia berketurunan Cina tentang bagaimana Dasar Kebudayaan Nasional ini hendak dirumus dan bukan sekadar menolaknya sahaja.

Adalah dukacita dinyatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa selepas 27 tahun merdeka, kita masih belum mendapat satu persetujuan mengenai apakah dia satu kebudayaan nasional yang hendak diwujudkan bagi Malaysia. Walaupun Kerajaan masih terus menyebut dasar kebudayaan sekarang didasarkan kepada keputusan Kongress Kebudayaan 1971 yang telah diterima dan tidak seharusnya dipersoalkan lagi, tetapi hakikatnya ia satu dasar yang divisif dan tidak mampu untuk menyatu-padukan berbagai kaum. Saya rasa bahawa masanya telah tiba bagi

Kerajaan, terutamanya Menteri yang berkenaan supaya menyemak semula dasar kebudayaan yang ada sekarang demi kepentingan perpaduan negara. Langkah-langkah hendaklah diambil supaya mengadakan sekali Kongres Kebudayaan yang mana semua wakil dari berbagai pertubuhan kebudayaan yang mewakili berbagai kaum boleh bertemu dan berbincang untuk mencari satu rumusan, satu dasar kebudayaan yang sebenar bagi negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.55 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 112, Butiran 3, iaitu Belia.

Tuan Pengerusi, belia hari ini ialah belia hari esok, iaitu belia masa hadapan. Oleh itu sudah pasti muda-mudi hari ini dipupuk dengan serba-serbi pelajaran kemahiran, semangat kasih sayang kepada negara dan disiplin yang cukup, bak kata, semangat besi waja yang tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan, belia-beliawanis ini diberi latihan dari bangku sekolah lagi semangat perpaduan, bertimbang rasa, bergaul dengan masyarakat sekeliling, bergotong-royong, bermesra, memberi khidmat bakti kepada apa-apa perkumpulan, tidak kira masa dan tenaga.

Tuan Pengerusi, golongan belia inilah yang akan menjadi warisan yang akan datang.

Tuan Pengerusi, di saat kebelakangan ini ramai dari golongan belia telah dipengaruhi dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu saya

menyeru kepada semua ibu-bapa, kesatuan-kesatuan belia serta Kerajaan, marilah kita bersama mencari jalan yang sungguh-sungguh yang akan memberi kesan dan menarik golongan muda-mudi ini supaya membenci kepada dadah. Saya berpendapat tiada ada jalan lain hanya kerjasama semua pihak sahajalah yang akan memberi kejayaan yang boleh membenteras perkara ini.

Tuan Pengerusi, belia-belia kita mestilah dipupuk dengan kepercayaan kepada agama masing-masing. Semua agama mengajar manusia percaya kepada Tuhan, membuat baik dan meninggalkan perkara yang tidak baik, menolong di antara satu dengan lain dan berbakti kepada negara, menjauhi dari hasad dan dengki dan kasih sayang kepada ibu-bapa, ketua-ketua dan guru-guru.

Saya berpaling kepada muka surat 112 juga, 3.2 iaitu Latihan Belia.

Kita tidak menafikan yang Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mendirikan Pusat-pusat Latihan Belia. Selain daripada melatih mereka itu menjadi orang-orang yang mahir di semua bidang, ada juga latihan kepada muda-mudi kita mendapat kemahiran yang lebih tinggi dalam lapangan sukan yang akan mencungkil bakat-bakat bagi melahirkan pemain kebangsaan negara yang baik dan juga berkesan. Kita dapati akhir-akhir ini pemain-pemain kita terdiri daripada orang-orang yang telah berumur dan permainannya agak merosot jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu. Oleh itu usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian ini adalah amat baik dan sekali ini kita harap seluruh rakyat dapat kejayaan dan menaikkan imej negara kita dalam lapangan sukan.

Tuan Pengerusi, latihan meninggikan belia dalam lapangan ekonomi dengan

mewujudkan belia niaga, belia peladang dan lain-lain lagi, adalah bagi saya latihan-latihan ini akan meninggikan mereka ini mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan sosio ekonomi yang lebih baik bagi belia-belia kita di luar bandar. Dengan kegiatan ini akan membawa belia-belia kita ke lapangan perdagangan dan pertukangan yang akan memberi satu sektor baru kepada belia-belia yang tidak semata-mata bergantung kepada pertanian sahaja. Dan yang masih tinggal dalam lapangan pertanian pula akan mengusahakan cara-cara yang moden dan menggunakan teknologi-teknologi baru bagi meninggikan pendapatan mereka dari sektor pertanian. Dengan ini akan tercapailah hasrat Kerajaan dalam menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan sebagaimana terdapat di dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menyentuh kepada mukasurat 113, 4.2 Penggalakan Sukan dan Riadah. Di dalam ucapan saya bagi Kementerian ini pada masa yang lampau, saya telah menyuarakan supaya diadakan peruntukan untuk mengadakan padang bola di kawasan Sungai Petani. Sungguh susah bagi belia-belia di sana untuk bermain bola sepak. Saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya dapat membeli sekeping tanah estet yang berhampiran dengan Sungai Layang kepunyaan seorang Ceti untuk dijadikan padang bola bagi belia-belia berhampiran di situ supaya mereka dapat bermain di masa-masa lapang selepas dari bekerja.

Tuan Pengerusi: Masih lagi Ceti punyaah, Yang Berhormat?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Ya, masih lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukankah telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Belum lagi. Selain daripada memberi kesihatan kepada mereka itu, mereka juga akan menjadi pemain bola yang terkenal untuk bermain bagi kumpulan, daerah, negeri dan negara. Cara ini juga dapat mereka ini lupa kepada kegiatan yang tidak diinginkan seperti salahguna dadah dan lain-lain aktiviti yang kurang baik.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling. Semua Ahli Yang Berhormat dari Kedah, seorang lagi siapa?

5.02 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, saya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mengambil masa terlalu panjang, saya boleh beri semua orang Kedah bercakap.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Maksud Bekalan 21 iaitu Latihan Belia, Pembangunan Ekonomi, Pergerakan Belia dan juga Perpaduan Belia.

Penduduk Malaysia secara keseluruhannya adalah masih muda sunggupun umur purata telah meningkat daripada 17 tahun kepada 20 tahun dalam tahun 1970 ke 1980. Sebilangan besar penduduk adalah berada dalam lingkungan kumpulan umur 14 tahun dan dijangka peratus dalam kumpulan umur tersebut akan terus menurun kepada paras 7.8 pada tahun 1985. Penduduk dalam kumpulan umur bekerja sebaliknya telah bertambah kepada 52% pada tahun 1970 kepada 57% pada tahun 1980 dan dijangka ianya akan terus

bertambah kepada 58.5% pada tahun 1985. Dalam sektor jantina pula menunjukkan aliran-aliran ke arah penatubaran antara lelaki dan perempuan yang lebih seimbang seterusnya mengakibatkan perubahan kepada komposisi tenaga buruh.

Tuan Pengerusi, dalam bidang latihan belia, belia adalah penting untuk satu negara dan belia hari ini akan menjadi warganegara dan pemimpin di masa akan datang yang mana mereka akan mengambil alih semua pentadbiran negara kita dalam mana keadaan pembangunan sains dan teknologi begitu pesat sekali dan akan lebih pesat lagi di masa-masa akan datang. Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara, kedua-dua golongan ini adalah sama hidup dalam dunia ini untuk mencari dan mendapatkan bahagia hidup masing-masing.

Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan mempunyai fahaman agama masing-masing yang mana keseluruhannya berkehendakkan kepada bimbingan dan latihan di setiap masa dan waktu, dengan mendapat pelajaran di sekolah dan institusi tidak begitu mencukupi, kalau tidak dibawa kelatihan untuk mendapat pengalaman bagi satu-satu kerja dan satu-satu jurusan. Latihan adalah penting dan mustahak. Oleh itu, saya berharap kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempergiatkan kursus-kursus kepada para belia-belia dan beliawanis-beliawanis dan membuat lebih penekanan kepada bentuk akhlak dan peribadi yang mulia dan menjauhi daripada amalan yang tidak diredai oleh Allah seperti berjudi, menghisap dadah dan mencampuri dengan pakatan-pakatan sulit dan anasir jahat dan perkara-perkara yang lain yang dimurkai oleh Allah. Termaklum negara kita terdedah dengan wabak tersebut, pusat-pusat latihan yang ada di negeri-negeri itu

seperti di Jitra, Kedah hendaklah dikemaskini dan diberi tenaga pengajar dan penggerak yang baru yang berkebolehan dan berpengalaman. Kursus-kursus tertentu bagi jurusan pimpinan dan memperkemaskan diri untuk para belia mencebur diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan sama ada kecil atau besar. Peruntukan yang diuntukkan itu kita percaya kalau dapat dibelanjakan dengan benar-benar, keadaan para belia sekalian akan bertambah baik menerusi latihan intensif yang akan dijalankan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, dalam bidang pembangunan ekonomi, saya harap para belia akan tidak berdagap diri dan mempunyai sifat yang sudah cukup menghadapi keadaan hidup dengan usaha yang sedia ada sekarang, kerana Malaysia mempunyai dasar ekonomi terbuka, sesiapa yang berusaha lebih maka lebih pendapatannya. Oleh itu, peluang kepada belia hendaklah diberi untuk menghadiri latihan dalam negeri dan luar negeri supaya dapat mereka mengikuti perkembangan kemajuan negara, dan para belia hendaklah rajin bekerja, berusaha bersungguh-sungguh dalam satu-satu pekerjaan dan sabar manakala menemui jalan buntu. Kemudahan modal dan peluang-peluang hendaklah diberi kepada belia untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan bagi mendapat tapak dan tempat perniagaan dalam bandar dan juga pada pekan-pekan baru yang dibuka oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan peranan belia, saya harap pihak Kementerian akan memandang berat daerah-daerah pendalaman dan mundur kerana para belia didapati banyak tidak mempunyai pelajaran yang cukup, kesan tidak melanjutkan pelajaran dan tidak mempunyai tempat pekerjaan yang tertentu untuk

mengatasi pengangguran yang mana terpaksa mereka berhijrah ke bandar-bandar tetapi penghijrahan mereka kebanyakan buat sementara sahaja. Oleh itu, diharap pihak Kementerian akan memberi tenaga pegawai dan kakitangan belia di pejabat daerah yang secukupnya bagi mentadbirkan satu-satu daerah yang dimaksudkan itu, umpamanya, Baling hanya seorang pegawai ditempatkan dan tidak mempunyai kakitangan atau kerani yang menolongnya. Diharap dapat dibekalkan oleh pihak Kementerian dengan secukupnya.

Tuan Pengerusi, dalam bidang perpaduan belia untuk menambahkan perpaduan, satu usaha dengan cara baru hendaklah diadakan bagi memahami sebenar-benarnya dasar-dasar Kerajaan oleh para belia dan beliawanis sekalian, umpamanya, Dasar Pelajaran, Dasar Pertanian Negara, Dasar Kebudayaan dan Dasar Pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan supaya mereka memahami sebenar-benarnya.

Bahaya perpecahan di antara satu-satu kaum terutama sekali perpecahan di antara bahasanya sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 4.2 Penggalakan Sukan dan Riadah, peruntukan sebanyak \$1,342,300 telah diperuntukkan seperti termaklum, tujuan program sukan untuk meramaikan bilangan rakyat mengamalkan cara hidup yang kreatif melalui kegiatan fizikal ke arah peningkatan kualiti, kehidupan dan kesejahteraan hidup rakyat. Yang kedua, mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu yang mempunyai nilai dan semangat kesukanan yang tinggi, yang ketiga, untuk mewujudkan dan melahirkan rakyat yang sihat, cergas dan berdisiplin ke arah pembinaan negara melalui pendekatan dan mutu kesihatan yang progresif. Saya harap pihak Kerajaan akan menambahkan lagi peruntukan dalam bidang ini

supaya dapat memberi latihan yang lebih bermutu kepada olahragawan-olahragawan kita yang mana akan dilatih oleh para jurulatih yang berkebolehan dan berpengalaman. Dan di harap usaha mendapatkan bakat olahragawan-olahragawan baharu di seluruh pelusuk negara kita dapat diusahakan dengan lebih giat lagi dan memberi berbagai-bagai kemudahan, umpamanya, pertolongan alat-alat sukan dan padang permainan diberbagai jenis sukan, terutama sekali di kawasan luar bandar kerana terdapat banyak belia-belia yang mempunyai kemahiran, kebolehan, kegagahan tetapi tidak diketengahkan.

Tuan Pengerusi, buat mengakhiri, mukasurat 114, Butiran 11—Projek Belia Peladang. Saya harap Rancangan Belia Peladang dapat dijalankan dan juga peruntukan hendaklah diberi. Begitu juga Rancangan Belia Niaga yang diuntukkan jumlah yang sama pada tahun yang lalu itu dapat dipergiatkan dan dipertingkatkan lagi. Mungkin ada belaku kegagalan dalam satu-satu projek, tetapi saya berpendapat semuanya boleh kita atasi sekiranya kawalan yang rapi, pertolongan yang berbetulan diberi kepada para belia itu. Dengan adanya kegagalan bagi setengah-setengah projek itu, janganlah menjadi masalah besar kepada Kementerian kepada berusaha, bahkan dengan adanya kegagalan itulah akan dapat kejayaan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.10 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk saya

mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya ingin menyentuh mukasurat 114, Maksud P.21, Butiran 1—Kemudahan-kemudahan Sukan. Untuk makluman Kementerian, pihak Kerajaan Negeri Kedah ada membuat rancangan untuk membina semula Stadium Darul-Aman di Alor Star iaitu untuk mengadakan satu "Grandstand", dengan izin, dan menambah kapasiti tempat duduk penonton-penonton dan juga untuk menggantikan lampu-lampu "spot-light".

Yang keduanya, ada juga rancangan untuk membina sebuah Asrama Sukan yang mana telah disediakan oleh Kerajaan Negeri, pelan dan rekabentuk sudahpun siap sejak tahun 1981 lagi untuk kedua-dua projek ini dan peruntukan sebanyak \$6 juta telah pun dipersetujui untuk diberi secara beransur-ansur di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan ansuran pertama telah dijanji bagi tahun 1982 tetapi rancangan ini tidak dapat dijalankan selepas pilihanraya tahun 1982 sehinggalah sekarang, dengan alasan kemerosotan ekonomi dunia. Daripada peruntukan di dalam Belanjawan tahun 1985 pun tidak ada hasrat oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kedua-dua rancangan ini dan ini bermakna Rancangan Malaysia Keempat akan berlalu dengan tidak ada apa-apa komitmen, dengan izin, dari segi kewangan walau sedikit pun.

Tuan Pengerusi, di samping itu Kerajaan Negeri Kedah juga telah membuat rancangan untuk membina sebuah "Velodrome" bertaraf antarabangsa. Keluasan tanah yang mencukupi telah pun disediakan, pelan tataletak dan rekabentuk sudahpun disediakan sejak 3 tahun yang lalu, tetapi sehingga hari ini tidak

ada apa-apa response, dengan izin, daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Saya berharap demi untuk meningkatkan lagi prestasi sukan untuk negara, Kerajaan perlulah memandang serius kegiatan-kegiatan sukan dan pembangunan-pembangunan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara. Rancangan-rancangan yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang tidak dapat dijalankan sehingga ke akhir Rancangan Malaysia Keempat hendaklah diberi keutamaan di dalam perancangan Rancangan Malaysia Kelima supaya perkembangan dan kemajuan sukan dapat diteruskan dan ada penyambungan dari satu Rancangan Malaysia ke satu Rancangan Malaysia.

Tuan Pengerusi, mukasurat 115, Maksud P.21 Butiran 16—Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil. Pada awal Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menggubalkan satu dasar untuk memberi kemudahan-kemudahan sukan di bandar-bandar kecil seperti mini-mini stadium, stadium-stadium tertutup untuk permainan-pemainan badminton, bola keranjang, bola tampar, pingpong, sepak takraw dan sebagainya, serta padang-padang permainan khasnya padang bola sepak di bandar-bandar kecil di daerah-daerah.

Di bawah rancangan ini peruntukan telah pun diberi untuk pembinaan padang-padang permainan di daerah-daerah. Untuk tahun 1981 sehingga ke tahun 1983, didapati wang yang diperuntukkan bagi Rancangan Malaysia Keempat telah habis dibelanjakan iaitu wang berjumlah \$2,174,740. Memandangkan terdapat 13 buah negeri dan sebuah Wilayah

Persekutuan, peruntukan sebanyak ini adalah peruntukan yang paling sedikit jikalau hendak dibahagi-bahagikan sama banyak.

Apa yang mendukacitakan ialah bagi tahun 1984 tidak ada peruntukan yang disediakan dan bagi Belanjawan tahun 1985 hanya peruntukan tanda iaitu \$10 yang disediakan. Keadaan yang begini tidaklah memuaskan memandangkan peranan yang penting dapat dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan bagi belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita mengisi masa lapang mereka supaya tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur yang tidak sihat.

Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan yang seumpama ini dapat membantu usaha-usaha kita untuk melahirkan olahragawan-olahragawan yang boleh memberi sumbangan terhadap memperbaiki prestasi sukan negara. Saya berharap keadaan yang ada sekarang dapat diperbaiki di masa-masa yang akan datang supaya rancangan-rancangan yang telah disediakan dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Di negeri Kedah 2 buah Mini Stadium telah pun dirancang sejak beberapa tahun yang lalu iaitu di Sungai Petani dan di Kulim. Saya merayu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat mempertimbangkan kedua-dua Mini Stadium ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Pengerusi, muka surat 115, Maksud P.21, Butiran 18—Khemah Belia. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berapakah jenis-jenis Khemah Belia yang dibiayai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sepanjang tahun 1984 ini. Saya ingin tahu juga bentuk atau corak Khemah-khemah Belia yang telah

diberi peruntukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya sebutkan perkara ini

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun atas tertib Mesyuarat atau minta penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak cukup kuoram, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila bilang.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 36 Ahli hadir*).

Tuan Pengerusi: 36 orang Ahli hadir, cukup bilang sekarang. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya sebutkan perkara Khemah Belia ini oleh sebab bagi pihak Pertubuhan St. John's Ambulance Se-Malaysia yang telah mengadakan khemah peringkat Kebangsaan di Jitra, Kubang Pasu, Kedah pada bulan Ogos yang lalu dan telah pun membuat permohonan serta rayuan-rayuan untuk mendapat sedikit sumbangan daripada pihak Kementerian untuk menampung perbelanjaan perkhemahan ini, tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa jawapan ataupun peruntukan yang akan diberi.

Saya berharap sedikit sebanyak sumbangan dapat diberi oleh pihak Kementerian sebelum berakhir tahun 1984 ini oleh sebab bukan sahaja pihak Kerajaan perlu menutup akaun masing-masing, tetapi pihak Belia juga ingin menutup akaunnya sebelum berakhir tahun 1984 ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 115, Maksud P.21, Butiran 20 iaitu Pusat Latihan Bina Semangat Langkawi. Berkenaan dengan pusat ini, saya dapati jumlah harga projek \$2,825,000

telah dicatatkan di dalam Buku Belanjawan ini tetapi tidak ada satu sen pun 'commitment' yang dibuat oleh Kerajaan sehingga ke hari ini. Saya ingin tahu daripada Kerajaan, bilakah agaknya Kerajaan bercadang hendak memulakan rancangan membina Pusat Latihan Bina Semangat Langkawi. Saya berharap tindakan-tindakan awal perlu diambil dengan seberapa segera yang boleh untuk memastikan rancangan ini dapat dilaksanakan demi kepentingan pemimpin-pemimpin muda kita, sama ada daripada jabatan-jabatan Kerajaan ataupun daripada pihak swasta untuk mendapat latihan kepimpinan di pusat tersebut. Dengan ini, saya pohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

5.21 ptg.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, saya turut bersama dalam perbincangan mengenai Anggaran Belanjawan 1985 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Maksud P.21 di muka surat 109. Pertamanya saya ingin menyentuh mengenai hal ehwal belia di bawah Butiran 3, Maksud 21.

Tuan Pengerusi, tidak sesiapa yang dapat menafikan bahawa belia adalah golongan masyarakat yang penting di dalam menjalan dan mengerakkan pentadbiran dan pembangunan negara di samping mempunyai tenaga yang berkemampuan, belia juga merupakan masyarakat terpengaruh dan mudah dipengaruhi. Di dalam hubungan ini, adalah penting dan mustahak bagi pihak berkenaan untuk mengasuh dan memberi bimbingan dan panduan kepada belia ke arah mencapai matlamat untuk melahirkan belia yang berdisiplin, bermaruah, bermoral tinggi serta mempunyai kemahiran di semua bidang. Matlamat ini akan

hancur lebur jika tiada 'commitment' dan kesungguhan daripada pemimpin belia dan dari belia itu sendiri.

Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit demi meningkatkan prestasi perkhidmatan belia kepada negara, bagi membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Demi memastikan supaya hasrat Kerajaan ini tercapai, adalah penting supaya para belia diberi latihan yang ekstensif di pelbagai bidang terutamanya yang menekankan kedisiplinan dan kepimpinan. Belia juga harus diberi galakan untuk melibatkan diri sepenuhnya di dalam pembangunan, pertanian dan ekonomi di luar bandar. Hanya dengan penglibatan sedemikian rupa akan menjauhkan belia dari terlibat dengan anasir-anasir yang kurang sihat dan seterusnya menahan mereka daripada berhijrah ke bandar.

Tuan Pengerusi, dalam hemat saya, pembanterasan kegiatan-kegiatan belia yang kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah hanya akan dapat dihapuskan sama sekali jika belia itu sendiri memahami dan menginsafi kesan dan akibat dari penggunaan dadah itu. Dalam hubungan ini, adalah penting supaya belia haruslah diasuh dan dididik mengenai nilai-nilai keagamaan dan kedisiplinan yang tinggi. Kita harus menyedari bahawa belia adalah tiang negara, kuat belia maka kuatlah negara dan lemah belia, lemahlah negara.

Menyentuh soal kebudayaan, di Butiran 2, mukasurat 111, sebuah negara akan tidak bermaya dan bercahaya jika ianya tidak mewarisi kebudayaan yang tulen, samalah seperti sebuah pulau di tengah samudra yang hanya ditaburi oleh hutan belantara. Kebudayaan sesebuah negara adalah penting demi meningkatkan kedaulatan sesebuah

negara itu. Ianya juga akan menojolkan warisan budaya dan keindahan seni masyarakat itu sendiri. Pendek kata ianya akan memperkayakan masyarakat di dalam kehidupan mereka sepanjang zaman.

Sebagai rakyat yang cintakan tanahair, seseorang itu tidak hanya berdiri bila Negaraku dimaikan atau melafazkan ikrar bila diminta berbuat demikian. Malah dia harus mengetahui nilai-nilai Bahasa Kebangsaan negaranya. Justeru itu adalah penting dan mustahak supaya semua golongan masyarakat di negara ini memahami dan menerima sepenuhnya Dasar Kebudayaan Nasional. Dasar ini mempunyai matlamat utama iaitu demi menyatupadukan masyarakat yang berbilang bangsa dan keturunan di negara ini.

Oleh yang demikian adalah mendukacitakan bahawa masih ada golongan masyarakat yang mempersoalkan kewujudan kebudayaan nasional ini. Kita telah melaung-laungkan penggunaan Bahasa Malaysia di seluruh negara tetapi saya rasa berdukacita bahawa hingga ke hari ini nampaknya perkembangan penggunaan bahasa Malaysia adalah tidak begitu membanggakan terutama sekali di kalangan masyarakat yang bukan bumiputera. Apa yang menyedihkan saya lagi, ialah ada di antara kita yang selalu mengagung-agungkan bahasa asing dan memperkecilkan keupayaan Bahasa Malaysia. Hingga ke hari ini masih terdapat borang-borang, risalah-risalah, majalah-majalah dan buku-buku yang dikeluarkan oleh Kerajaan seperti yang terdapat di Dewan ini, yang diedarkan hampir semua bahan di dalam dua bahasa. Perkara ini bukan sahaja akan menambah kos perbelanjaan percetakan alat kertas, tetapi juga sedikit sebanyak menghalang perkembangan bahasa itu sendiri.

Justeru itu saya mencadangkan supaya semua borang-borang, risalah-risalah, majalah-majalah dan buku-buku yang dikeluarkan oleh Kerajaan seharusnya dicetak dalam Bahasa Malaysia sahaja kecuali di sesuatu keadaan yang memerlukan berlainan.

Apakala kita menyentuh hal ehwal kebudayaan, kita juga akan menyentuh soal kesusasteraan kerana ianya ada hubungan rapat di antaranya. Di beberapa sidang yang lalu di Dewan yang mulia ini, saya pernah menyentuh mengenai hal ehwal kesusasteraan terutamanya di segi perkembangannya. Apakala kita mengutarakan soal perkembangan kesusasteraan, ianya bukan sahaja membangkitkan soal karya penulisan termasuk puisi dan sebagainya. Tetapi ianya juga meliputi pembicaraan tentang perkembangan bahasa itu sendiri iaitu Bahasa Malaysia dan juga perkembangan 'theatre'. Kalau kita amati perkembangan kesusasteraan ini ternyata ianya hanya dipelopori oleh sebilangan kecil masyarakat sahaja. Mungkin banyak lagi di antara kita yang masih teraba-raba mengenai pembicaraan perkembangan ini.

Di dalam hemat saya, kesusasteraan adalah penting di dalam meluahkan kesan dan mempengaruhi fikiran di kalangan masyarakat. Perkembangan kesusasteraan sudah pasti akan mempengaruhi nilai-nilai kebudayaan yang sedia wujud kerana kesusasteraan adalah satu manifestasi kebudayaan yang harus menjadi pengetahuan kepada ahli masyarakat kebudayaan tersebut. Sastra adalah kepunyaan semua dan bukan hak individu.

Tuan Pengerusi, demi mengkayakan lagi kebudayaan kita, saya mencadangkan supaya perkembangan kesusasteraan ini diperhebatkan dengan harapan supaya semua lapisan masyarakat akan mengenal dan memahami dengan lebih dekat

mengenai kesusasteraan kita. Seperti yang dimaklumkan, setiap tahun Kerajaan menganugerahkan kepada seorang tokoh sebagai sastrawan negara. Walaupun saya mengalu-alukan langkah ini, saya ingin bertanya adakah sebilangan besar masyarakat mengenali karia-karia mereka yang dianugerahkan ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya karia-karia penulisan mereka itu dijadikan bahan-bahan pembelajaran di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi sebagai karia-karia yang harus difahami dan dipelajari dengan mendalamnya.

Demi menghayati karia-karia penulisan mereka ini, seharusnya ianya dijadikan bahan-bahan untuk mengadakan pertunjukan dengan izin, "moving theatre", seperti apa yang dilakukan oleh pencipta sastra Inggeris yang mengadakan pertunjukan 'moving theatre' ini di seluruh dunia di mana karia penulisan William Shakespeare selalunya ditonjolkan.

Sebenarnya, perkembangan drama atau bangsawan telah pun wujud beberapa dekad yang lalu di negara ini. Umpananya dalam tahun 1915 sebuah kompany yang bernama "Malay Opera of Malacca" telah ditubuhkan, kemudian terdiri pula "Malay Opera of Selangor", dan "Star Opera".

Dalam tahun 1922 bangsawan mulai tersebar di seluruh tanahair dengan adanya Malay Opera yang mengunjungi merata-rata tempat di tanahair kita. Di zaman itu kegemilangan bangsawan telah mempengaruhi perkembangan kebudayaan. Sedihnya hari ini ianya lenyap begitu sahaja. Saya rasa keupayaan Bahasa Malaysia tidak kurang dari keupayaan bahasa Inggeris di dalam menentukan kesusasteraan masing-masing. Apa yang penting ialah minat dan kesungguhpun dari pihak

yang berkenaan untuk melaksanakan hasrat ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidakkah terlalu berat bagi sesebuah Kerajaan antara lain mengembangkan sastera dan budaya? Tidakkah terserah kepada masyarakat itu sendiri pula menjalankan usaha-usaha melalui saluran-saluran yang lain daripada Kerajaan.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Saya rasa, Tuan Pengerusi, adalah lebih memberi kesan yang sepenuhnya jika ada galakan dan bantuan daripada Kerajaan sendiri kerana Kerajaan adalah merupakan satu agensi yang mempunyai fasilitas yang tertentu.

Kalau kita amati, Tuan Pengerusi, kita kekurangan para karyawan dan penulis yang terkemuka di zaman silam dan masa kini di negara ini. Kalau kita lihat seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Sengkel, Abdullah Munshi, Zaba, Ahmad Lofti, Rustam Effendi, Sultan Takdir Alishahbana, Tongkat Waran iaitu Othman Awang, Masuri, Kris Mas dan banyak lagi tokoh-tokoh sasterawan yang lain. Kita tidak kekurangan hikayat-hikayat yang tinggi mutunya seperti Hikayat Seri Rama, Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Seribu Satu Malam, Hikayat Malim Dewa, Hikayat Malim Deman, Hikayat Anggun Cik Tunggal dan sebagainya.

Saya yakin dan percaya, hikayat-hikayat ini kalau dilaksanakan dan ditonjolkan melalui bangsawan, perfileman atau drama akan meninggikan lagi tahap kesusasteraan di negara ini. Demi mencapai matlamat ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu lembaga iaitu Lembaga Sastera Negara untuk menyelidik, mengutip semua bahan-bahan kesusasteraan yang ada di negara ini dan seterusnya

mengambil tindakan yang tegas dan positif ke arah mewujudkan kesusasteraan negara yang tulen dan bernilai tinggi. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong belanjawan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tampin.

5.32 ptg.

Tuan Omar bin Haji Abdullah (Tampin): Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan dua perkara sahaja iaitu Butiran 11 dan Butiran 13—Projek Belia Peladang dan Projek Belia Niaga, mukasurat 114.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana memperuntukkan semula sedikit wang negara iaitu sebanyak \$3 juta untuk Projek Belia Niaga. Walau bagaimanapun, Kerajaan nampaknya masih belum bersedia untuk menghidupkan semula projek belia peladang yang hanya diberikan token vote, dengan izin, sebanyak \$10.

Saya faham bahawa kedua-dua projek belia ini telah tidak menunjukkan hasilnya yang baik dan Kementerian sedang mengkaji untuk mewujudkan satu sistem yang lebih baik supaya pelaburan Kerajaan untuk mewujudkan golongan petani dan golongan peniaga di kalangan belia-belia benar-benar dapat dicapai. Saya ingin mendapat tahu sama ada kajian ini telah pun siap dan bilakah agaknya akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa belia merupakan aset negara yang perlu kita persiapkan untuk mengambil alih kepimpinan negara ini pada masa-masa yang akan datang. Setakat hari ini kita bersyukur kerana kita telah berjaya mewujudkan satu

gerakan belia yang begitu tersusun rapi dan sempurna perjalanannya melalui sistem yang ada pada ketika ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, gerakan belia kita lebih banyak bertumpu kepada kegiatan-kegiatan yang lebih banyak berbentuk sosial dan sukan dan bertumpu kepada kegiatan-kegiatan persatuan sahaja sedangkan isu utama negara pada masa ini, Tuan Pengerusi, ialah untuk mewujudkan tenaga yang produktif bagi maksud membentuk negara moden yang kuat ekonominya dan tinggi teknologinya.

Dengan demikian, Tuan Pengerusi, Kementerian perlulah merubah tumpuan ini supaya kegiatan belia lebih tertumpu kepada kegiatan ekonomi bukan sahaja untuk kepentingan belia itu sendiri tetapi juga untuk kepentingan negara kita.

Yang pertama, perlu kita lakukan, Tuan Pengerusi, ialah merubah niat belia-belia kita dalam kegiatan mereka berpersatuan atau menubuhkan kelab-kelab belia. Sementara itu kita juga ingin belia-belia kita bergiat dalam bidang ekonomi, perkara yang pertama perlu kita tekankan ialah mengubah sikap mereka ini khususnya di kalangan belia-belia Melayu sendiri.

Pegawai-pegawai Belia Daerah perlulah dilatih dalam bidang propaganda ini supaya mereka dapat menjalankan peranan ini dengan berkesan. Usaha-usaha menyerapkan budaya niaga ini bolehlah dilakukan jika lebih banyak peluang latihan berniaga dapat diadakan di kalangan belia. Latihan ini perlulah secara berterusan dan ditumpukan kepada mereka yang berminat. Pada masa ini latihan nampaknya tidak berterusan, tidak consistent, Tuan Pengerusi. Yang selalu sangat diadakan ialah seminar-seminar kesedaran dan yang ramai menghadiri seminar ini ialah belia-belia yang masih mentah lagi dan masih sekolah atau yang baru lepas daripada sekolah.

Tetapi soalnya, Tuan Pengerusi, bukanlah soal kesedaran. Kebanyakan belia-belia kita sedar betapa mereka ini perlu melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Tetapi masalahnya ialah masalah bagaimana mereka boleh menggunakan kesedaran ini untuk menjadi seorang peniaga yang baik, untuk mendapat modal yang cukup, bukan hanya modal wang, Tuan Pengerusi, tetapi modal ilmu pengetahuan supaya mereka dapat mengesan peluang-peluang yang telah banyak diwujudkan oleh Kerajaan melalui berbagai-bagai agensi.

Yang demikian, Tuan Pengerusi, yang perlu kita tekankan pengwujudan satu rancangan corporate atau corporate planning di tiap-tiap daerah dengan melibatkan Jabatan Belia dan Sukan, melibatkan Majlis Belia Daerah dan juga melibatkan agensi-agensi Kerajaan yang banyak itu. Corporate planning ini, Tuan Pengerusi, patutlah mewujudkan satu jentera pelaksanaan yang dapat menggunakan segala kemudahan-kemudahan Kerajaan untuk mewujudkan golongan peniaga di kalangan belia-belia.

Tuan Pengerusi, ini adalah kerana masalah sebenarnya di kalangan belia ialah masalah daya terima laksana. Pengwujudan kalangan peniaga di kalangan belia, tidak semestinya bertumpu kepada peruntukkan \$3 juta dari rancangan belia niaga kerana terdapat berbagai-bagai kemudahan melalui berbagai-bagai agensi-agensi Kerajaan di mana terdapat kelab-kelab belia di tiap-tiap daerah pentadbiran Kerajaan pada masa ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah kegiatan perniagaan belia tidak harus dibuat secara koperasi kerana kegiatan sebegini selalunya gagal. Kebanyakan koperasi-koperasi kita gagal. Yang perlu kita wujudkan ialah satu kerjasama di antara koperasi

belia seperti KOBENA dan kumpulan-kumpulan belia yang berminat dalam sesuatu bentuk perniagaan. Yang perlu kita wujudkan ialah satu syarikat kerjasama atau satu syarikat sendirian berhad umpamanya di mana kumpulan-kumpulan belia yang berminat ini memegang ekuiti 80% dan koperasi memegang ekuiti 20% misalnya. Sistem ini akan menjamin pengurusan yang lebih berkesan kerana belia ini ada motivasi untuk memajukan syarikat milik mereka masing-masing. Sementara itu koperasi pula, koperasi seperti KOBENA yang telah bergiat, yang telah maju boleh menyalurkan bermacam-macam bantuan. Sistem ini juga boleh membantu kelab-kelab belia mendapatkan sumber kewangan.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, masalah utama kelab-kelab belia kita di mana-mana sahaja ialah masalah kewangan, masalah kewangan untuk menjalankan berbagai aktiviti yang telah dirancangan. Jalan mudah yang selalu dilakukan oleh kelab-kelab belia kita ialah dengan memungut derma dan yang menjadi sasaran utama mereka ialah wakil-wakil rakyat seperti kita semua ini. Jadi kalau sekiranya terdapat wakil rakyat yang tidak punya duit maka rosaklah politik wakil rakyat tersebut.

Jadi, sekiranya bantuan Projek Belia Niaga ini kita salurkan kepada belia ianya patutlah disalurkan melalui corporate planning, dengan izin, seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Projek Belia Peladang gagal sebahagian besarnya disebabkan projek ini dilakukan dengan niat berladang bukan dengan niat untuk bergantung hidup kepada kegiatan berladang atau dilakukan sebagai satu kegiatan belia sahaja.

Kegiatan memberi bantuan kepada belia-belia peladang ini dengan memberi tanah setengah ekar untuk

ditanam jagung secara gotong-royong umpamanya, sudah tentu tidak akan mendatangkan sebarang hasil yang baik kerana kegiatan sebegitu bukanlah boleh disebut sebagai kegiatan belia peladang, tetapi sebagai satu aktiviti untuk belia belajar berladang. Jadi apa yang perlu kita lakukan ialah menyerapakan konsep pertanian berniaga di kalangan belia-belia dan memberi mereka bantuan yang sepatutnya ke arah tersebut. Belia-belia kita yang mendapat latihan pertanian perlu dibantu dengan memberikan tanah yang ekonomik dan bantuan teknik yang cukup dan segala agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan perlulah memberi bantuan, tidak patut kita bergantung kepada KKBS (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) semata-mata.

Apa yang berlaku sekarang ini, Tuan Pengerusi, Projek Belia Peladang banyak dilakukan seperti yang saya sebutkan tadi sebagai aktiviti kebudayaan bukan sebagai satu usaha untuk bergantung hidup kepada kegiatan tani. Tadi kita mendengar tentang projek jagung seperti yang saya sebutkan tadi, Projek Kolam Ikan 1-2 buah, Projek Menternak Kambing 10-15 ekor dengan papantanda-papantanda yang cantik, yang menunjukkan kegiatan belia dan selalunya aktiviti ini akan gagal setelah jagung dapat kita petik dibahagikan setongkol, 2 tongkol kepada belia, setelah ikan dapat ditangkap diberikan seekor dua ekor selepas itu, projek itu habis tidak berjalan lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang ingin kita lihat ialah projek besar-besaran pertanian belia di mana sekumpulan belia yang berminat menguruskan
.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bolehkah saya minta Yang Berhormat golong sekarang kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memerlukan masa bagi menggulung.

Tuan Omar bin Abdullah: Baik, Tuan Pengerusi. Jadi apa yang saya sebutkan cadangan tadi ialah corak atau konsep kegiatan belia peladang dan belianiaga itulah yang menjadi masalah utama, dan apa yang ingin saya sarankan kepada Kementerian ialah supaya konsep ini diubah, dan satu perancangan yang teratur (corporate planning) dapat diwujudkan dan dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai belia di peringkat daerah yang terlatih dan juga pemimpin-pemimpin belia khususnya pemimpin-pemimpin Majlis Belia Daerah yang kita latih dalam bidang-bidang ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Ismail bin Arshad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan Jerai, saya mohon maaf oleh kerana Dewan ada Usul supaya Dewan ditangguhkan lebih awal pada hari ini. Saya tidak berkesempatan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berucap. Saya mohon maaf.

Saya akan menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab dan menggulung. Saya minta supaya Yang Berhormat tinggalkan dua minit untuk saya kemukakan masalah bagi diputuskan, akan tetapi sekiranya Yang Berhormat memilih untuk menjawab secara umum dan secara ringkas dan tidak secara terperinci, dan sekiranya ada masa, saya akan mengemukakan kepada Jawatankuasa Maksud B.25 pula. Jika Yang Berhormat tinggalkan 2 minit, saya akan kemukakan masalah terus dan menangguhkan Dewan; sekiranya Yang Berhormat mengambil masa secara ringkas, saya akan mengemukakan masalah yang satu lagi pula. Sila Yang Berhormat!

5.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat Jawatankuasa baru sekejap tadi.

Ada 6 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangun bercakap iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar, Sungai Petani, Baling, Kuala Kedah, Hilir Padas dan Tampin, banyak persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, saya tidak berkemungkinan untuk menjawab semua sekali atau mengulas semua sekali akan apa-apa yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Namun begitu, saya akan cuba sedikit sebanyak mengulas bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan insya Allah ulasan ini akan menyentuh sedikit sebanyak perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya tidak tersentuh saya yakin dan percaya bahawa saya sendiri membuat catatan-catatan dan apa-apa pandangan itu akan diambilkira oleh Kementerian di dalam melaksanakan apa juga program pada tahun hadapan ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar tadi telah menyentuh mengenai sukan juga kebudayaan nasional. Walaupun perkara ini disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, tetapi saya sekali gus sahaja menyentuh mengenai sukan ini. Antara lain apa yang disentuh oleh wakil daripada Kuala Lumpur Bandar tadi bahawa prestasi

sukan negara kita di masa-masa yang terakhir ini terdapat merosot berbanding dengan orang-orang lain.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini suka saya menarik perhatian, walaupun keputusan (result) permainan-permainan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli sukan kita baik dari segi permainan hoki, badminton dan lain-lain, tetapi kita tidak seharusnya membuat perbandingan dengan orang-orang yang lebih ke hadapan daripada kita, kalau kita membandingkan negeri kita dengan negeri-negeri yang lain barangkali standard permainan kita boleh tahan jugalah kita katakan. Namun begitu, kita memang tidak berpuas hati dengan prestasi yang ada pada kita sekarang ini. Oleh hal yang demikian, Kementerian sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu sukan kita pada masa ini dan pada masa-masa yang akan datang. Usaha-usaha yang dibuat sekarang ini antara lain ialah usaha untuk membina Institut Sukan negara kita. Jadi, usaha ini adalah merupakan satu usaha yang membolehkan ahli-ahli sukan di negara kita ini mendapat peluang untuk berlatih dengan lebih baik lagi pada masa-masa yang akan datang dengan terdinya Institut Sukan ini dan dengan cara ini, Tuan Pengerusi, mutu sukan di negara kita ini akan mencapai kepada tahap yang kita kehendaki.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, sekarang ini Kementerian sendiri telah pun meminta pandangan-pandangan daripada Persatuan-persatuan Sukan, Badan-badan Sukan yang ada di negara kita ini, sekira-kira kumpulan-kumpulan ini dapat memberi pandangan yang baik bagi Kerajaan di dalam mempertingkatkan mutu sukan di negara kita ini, kerana Kementerian dan kita semua mula sedar bahawa tanggungjawab meninggikan sukan ini bukanlah terletak di bahu

Kementerian semata-mata, tetapi ianya hendaklah diturut serta oleh seluruh rakyat atau badan-badan swasta yang lain, yang ada dalam negara kita ini.

Saya amat bersetujulah kerana ada di antara Wakil-wakil ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyuarakan meminta supaya swasta-swasta yang ada di negara kita ini membantu Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam mempertingkatkan prestasi sukan negara kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Bahagian Belia sedikit. Ada cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya peruntukan-peruntukan untuk projek-projek ekonomi kepada belia, seperti Projek-projek Belia Peladang dan Projek-projek Belia Niaga supaya diadakan semula bagi Projek Belia Peladang dan ditambah bagi Projek Belia Niaga, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan ini.

Di samping saya mengucapkan terima kasih ini, suka saya menyentuh sedikit mengenai Projek Belia Niaga. Baru-baru ini sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa projek ini ditawakufkan untuk sementara waktu dari segi pembayarannya, namun begitu, proses permohonannya dibuat dari semasa ke semasa. Hal ini dibuat oleh Kementerian apabila melihatkan beberapa perkara yang perlu dibaiki dari segi perjalanan Projek Belia Peladang ini. Antara perkara-perkara yang diambil kira di dalam kajian ini ialah untuk memperbaiki kelicinan perjalanan projek ini ialah tentang bayaran balik bagi pinjaman-pinjaman yang telah diberi oleh Kementerian kepada belia-belia.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat semua, daripada tahun

1976 hingga tahun lepas (1983), Kementerian telah mengeluarkan sejumlah peruntukan \$18,132,519.11 bagi tujuan Projek Belia Niaga ini. Pecahan mengikut Negeri pula bolehlah dibuat seperti ini:

Perlis	— \$ 661,768
Kedah	— \$1,324,156.75
Pulau Pinang	— \$ 832,136.87
Perak	— \$1,418,980.01
Selangor	— \$1,493,397.16
Wilayah Persekutuan	— \$1,605,800.88
Negeri Sembilan	— \$1,066,508
Melaka	— \$1,925,803.65
Johor	— \$1,894,182.75
Pahang	— \$1,001,979.14
Terengganu	— \$1,459,360.10
Kelantan	— \$1,769,235
Sabah	— \$ 690,533
Sarawak	— \$ 988,677.80

Tuan Pengerusi: Banyak juga untuk Perlis itu, Yang Berhormat!

Tuan Awang bin Jabar: Banyak.

Tuan Pengerusi: Jadi, tak ada Wakil dari Perlis hendak ucapkan terima kasih. Bolehkah saya ucapkan terima kasih bagi pihak?

Tuan Awang bin Jabar: Terima kasih kembali, Tuan Pengerusi.

Kita terdapat beberapa kelemahan di dalam pelaksanaan Projek Belia Niaga ini dan dari semasa kita telah merangka beberapa program bagi mempertingkatkan Projek Belia Niaga ini pada tahun hadapan. Di antara lain, ialah dengan memperbanyakkan kursus-kursus pembinaan usahawan, kursus-kursus bimbingan dan berbagai-bagai lagi.

Mententuh mengenai cadangan Yang Berhormat dari Tampin mengenai 'coperate planning' tadi, sukacita saya mengambil perhatian

dan akan diambil kira di dalam perancangan-perancangan pada masa yang akan datang dan insya Allah, bila masanya sesuai kita akan melaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada masalah kebudayaan. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menuduh Kerajaan sebagai melampau di dalam melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional. Jadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat itu bahawa sebenarnya pelaksanaan yang kita jalankan untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional ini adalah sesuai pada masa ini dan cukup baik, tidak timbul masalah melampau dan berbagai-bagai lagi. Tuduhan melampau ini dibuat kerana di dalam Kongres Kebudayaan tahun 1971 dikatakan tidak ada wakil-wakil daripada pihak kaum-kaum lain untuk membincangkan sama mengenai Kebudayaan Nasional yang kita terima-pakai sekarang ini. Walaupun mereka tidak menyertai sama tetapi dasar-dasar yang kita rencana dan yang kita pelankan itu diambil kira masalah masyarakat majmuk yang ada di negara kita.

Apa yang terdapat sekarang ini ialah ketidak-fahaman mereka itu ataupun kejahilan mereka itu ataupun sengaja mereka ini buat jahil tentang Dasar Kebudayaan Nasional ini. Maka oleh itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang ini sedang dan akan melaksanakan program-program untuk membuat penerangan yang sejelas-jelasnya akan konsep ataupun Dasar Kebudayaan Nasional ini kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini supaya mereka itu faham dan boleh menerima-pakai dasar yang kita rasa boleh menyatupadukan rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pandangan-pandangan lain yang tak

sempat saya jawab, saya buat catatan sebagaimana yang saya katakan tadi dan saya akan ambil kira di dalam apa jua pelaksanaan di Kementerian pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$35,876,500 untuk Maksud B.21, \$3,380,100 untuk Maksud B.22, \$5,692,600 untuk Maksud B.23 dan \$5,686,100 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,876,500 untuk Maksud B.21, \$3,380,100 untuk Maksud B.22, \$5,692,600 untuk Maksud B.23 dan \$5,686,100 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya pula ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$7,940,070 yang disebutkan dalam Maksud P.21; \$150,429 untuk Maksud P.22; \$90,520 untuk Maksud P.23 dan \$43,830 untuk Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,940,070 untuk Maksud P.21; \$150,429 untuk Maksud P.22; \$90,520 untuk Maksud P.23 dan \$43,830 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada usul supaya Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00, saya kembalikan Jawatankuasa supaya Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

bersidang semula pada hari Isnin,
19hb November, 1984 pada pukul 2.30
petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, mesyuarat
ditangguhkan sekarang. Dewan akan

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.00 petang.*